



Tolak Bajet Najib!

Bajet 2016 dibentang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sepatutnya ditolak dan beliau perlu meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan Pengerusi Penasihat 1Malaysia Development (1MDB) ekoran krisis kepimpinan. Keyakinan rakyat serta dunia terhadap Malaysia perlu dikembalikan sebelum rakyat ditenggelamkan kapal yang sudah penuh janji-janji berlubang sarat memikul beban sauh 1MDB.

- Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail
Ketua Pembangkang
Parlimen

Ikuti laporan penuh khas Bajet 2016 Persekutuan DI MUKA SURAT 1 - 6

- Tersasar tidak memenuhi maqasid belanjawan
- Tidak mensejahterakan tetapi memiskinkan rakyat
- Mendera dan menghampakan rakyat



Ahli Parlimen Pembangkang mempamerkan plakad 'Mana RM2.6 bilion?' selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak membentangkan ucapan Bajet 2016 di Dewan Rakyat. Ia bagi mendesak Najib memberikan penjelasan dan menjawab segala persoalan yang timbul dalam isu derma dan skandal 1MDB

MB: Belanjawan 2016 Persekutuan serlah kegagalan Putrajaya

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Belanjawan 2016 Kerajaan Persekutuan gagal menangani salah urus kewangan dan tidak berupaya mengembalikan keyakinan pelabur serta kurang pembelaan kebajikan rakyat.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata intipati belanjawan dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hanya kelihatan baik di atas kertas seperti tahun lalu.

Namun hakikatnya tema 'Memakmur Rakyat' seperti diungkapkan dalam belanjawan itu tidak berjaya diterjemah secara realitinya.

Katanya, walaupun berlaku peningkatan peruntukan untuk Bantuan Rakyat

1Malaysia (BR1M) tetapi pada masa sama mengenakan kadar tol yang tinggi.

"Bagaimana yang memakmur rakyat? Ini adalah masalah asas inflasi tidak ditangani," kata Mohamed Azmin dalam kenyataan media.

Beliau berkata pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah bebanan besar terhadap golongan sederhana dan miskin.

Katanya, pentadbiran Najib juga turut mengenakan beban cukai yang lebih kepada rakyat biasa untuk membiayai urus kewangan pemimpin.

"Tidak ada pencapaian hebat apabila bercakap besar tentang peningkatan hasil dari GST.

"Sudah tentu, pendapatan akan me-

tingkat. Anda mengenakan cukai ke atas rakyat melaluinya," katanya.

Mohamed Azmin berkata Kerajaan Persekutuan gagal menangani isu peningkatan hutang isi rumah, pembinaan rumah untuk rakyat serta tidak prihatin terhadap masalah alam sekitar ekoran ketiadaan pelan untuk menangani isu jerebu.

"Begitu juga (tidak menangani) kejatuhan mata wang Ringgit Malaysia juga tiada langkah diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil minyak," katanya.

Mohamed Azmin turut kecewa intipati belanjawan tidak merangsang keyakinan pelabur mahupun sentimen rakyat.

"Tidak ada keceriaan dalam intipati un-

tuk ekonomi. Ekonomi Malaysia adalah salah satu daripada ekonomi yang paling teruk ketika ini.

"Sentimen pengguna dikenakan GST terhakis dengan peningkatan kadar cukai pendapatan," kata Mohamed Azmin.

Katanya, ekonomi negara memerlukan rangsangan fiskal dalam bentuk perbelanjaan sektor swasta yang lebih besar melalui peningkatan perbelanjaan pelaburan dan perbelanjaan pengguna bagi merangsang ekonomi.

"Tiga elemen penting dalam pengurusan kewangan awam perlu ditangani iaitu akauntabiliti, ketelusan dan tadbir urus. Belanjawan ini menunjukkan Kerajaan Persekutuan tidak serius tentang isu ini," katanya.

Rakyat mahu bajet sejahtera bukan sengsara

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Bajet Persekutuan 2016 disifatkan sebagai 'Bajet Talian Hayat' menyelamatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan ia tidak mampu memacu ekonomi ke arah negara maju berpendapa-

tan tinggi pada 2020.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kebanyakan peruntukan adalah sebagai permulaan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) diisytihar sebagai 'Pusingan Terakhir' sebelum mencapai Wawasan 2020.

"Pemerhatian pertama adalah seperti RMK sebelum ini, ia juga tidak tercapai. Sejak RMK-10, Penilaian Laporan Separuh Penggal RMK tidak lagi dibentangkan di Parlimen.

"Ditambah dengan amalan sejak 2011 untuk tidak membentangkan Laporan Ketua Au-

dit Negara semasa sesi pembentangan, ia mengesahkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan timbang tara gagal diamalkan," katanya di Dewan Rakyat, di sini, pada 26 Oktober lalu.

Ahli Parlimen Permatang Pauh turut membidas pertam-

bahan peruntukan terhadap Jabatan Perdana Menteri (JPM) hampir RM1 bilion kepada RM20.3 bilion, sekali gus tertinggi dalam sejarah.

Katanya, rakyat mahu bajet tulen mensejahterakan dan bukan menyengsarakan kehidupan rakyat.

Kekal tolak GST

KUALA LUMPUR - Pembangkang kekal menolak pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), meskipun Kerajaan Persekutuan memberikan alasan ia dilaksana bagi mengelakkan defisit fiskal semakin meningkat.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mempersoalkan kegagalan pemerintah membendung pembaziran berbilion ringgit setiap tahun sehingga mengakibatkan cukai bersifat regresif terpaksa dilaksanakan.

Katanya, mantan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pernah menyuarakan bahawa negara mesti bersedia dan memenuhi beberapa syarat wajib sebelum melaksanakan GST.

"Antaranya tahap gaji mesti meletakkan sekurang-kurangnya 80 peratus isi rumah sebagai kelas menengah dengan gaji minimum RM 4,000 sebulan berbanding gaji median RM1,575 sekarang.

"Ini adalah supaya cukai pendapatan bersifat progresif menjadi sumber kewangan adil dan bukan guna GST semata," katanya di Dewan Rakyat, di sini, pada 26 Oktober lalu.

Dr Wan Azizah berkata Kerajaan Persekutuan perlumastikan kadar ketirisan melalui projek mega dan

rasuah harus dihapuskan dengan menguatkuasa sistem perundangan pencegah rasuah yang bebas dan berkesan.

"Dari laporan Ketua Audit Negara yang masih belum diterima dewan serta kajian berbagai pakar, anggaran konservatif peratusan ketirisan dan pembaziran dalam komponen bajet terdedah kepada rasuah adalah sekitar 25 peratus.

"Apabila dikira dengan jumlah bajet komponen terdedah adalah sekitar RM120 bilion, maka sekurang-kurangnya RM30 bilion boleh dijimatkan," katanya.

Perluas gaji minima

KUALA LUMPUR - Peningkatan gaji minima sepatutnya diperluas kepada sektor swasta dan tidak hanya tertumpu kepada penjawat awam.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata gaji minima sepatutnya pada paras RM1,500 di seluruh negara dan bukan dibahagi secara 'apartheid gaji' dengan pekerja Sabah dan Sarawak.

Katanya, secara purata mereka hanya menerima 11 peratus lebih rendah dari pekerja Semenanjung.

"Langkah Kerajaan Persekutuan hanya meningkatkan gaji minima penjawat awam kepa-

da RM1,200 melibatkan 60,000 penjawat awam iaitu 3.75 peratus," katanya di Dewan Rakyat, di sini, pada 26 Oktober lalu.

Selain itu, faktor pekerja asing berkemahiran rendah dianggarkan hampir empat juta tanpa permit dengan aliran wang keluar RM30 bilion setahun juga menekan tangga gaji ke bawah.

Dr Wan Azizah berkata kegagalan Kerajaan Persekutuan melaksanakan Insuran Pengangguran sejak 2012 tidak memberikan erti kepada pencapaian golongan pekerja.

"Bukankah perlu ada perbincangan dengan semua pihak

“

Gaji minima sepatutnya pada paras RM1,500 di seluruh negara dan bukan dibahagi secara 'apartheid gaji' dengan pekerja Sabah dan Sarawak

DR WAN AZIZAH
Ketua Pembangkang

berkepentingan agar pembayaran bulanan skim insurans oleh pekerja adil dan memberikan perlindungan sewajarnya?" soalnya.

Petikan utama ucapan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Dewan Rakyat membincangkan Bajet 2016 Persekutuan

1 Menjaga harta negara milik rakyat, adalah satu amanah besar, maka dengan tiada Laporan Ketua Audit Negara, yang lazimnya dibentangkan sebelum pembentangan belanjawan, membuat tugas memeriksa dan mengenal pasti kelemahan dan pembaziran perbelanjaan, menyukarkan semua wakil rakyat.

2 Iklan Pencapaian oleh YAB PM ini, 'indah khabar dari rupa', kerana ia adalah pencapaian di bawah paras potensi ekonomi negara. Ini ibarat menghebahkan pencapaian seorang jaguh kampung, dalam pertandingan bolasepak antarabangsa untuk kelayakan piala dunia. Berjuta-juta wang ringgit dibelanjakan, tetapi pencapaian hanya sekadar memperolehi kekalahan 10-0 dengan UAE! Sekaligus mencalarakan prestasi negara.

3 Bukan sahaja defisit berterusan tetapi hutang untuk menanggung defisit, terus membengkak sehingga melebihi RM650 bilion, atau 54 peratus KDNK, dan bila dimasukkan jaminan hutang kerajaan lain, atau 'contingent liability', ianya melonjak kepada lebih RM800 bilion, atau hampir 70 peratus KDNK.

4 Hutang isi rumah yang menjangkau 88 peratus KDNK, termasuk kemudahan pemotongan gaji 60 peratus untuk pembayaran hutang yang tinggi kadar faedah, untuk penjawat awam hanya menghidupkan suasana 'kais pagi makan pagi' serta 'jatuh ditimpa tangga pula' dengan gaji kecil dan hutang yang tinggi kerana kenaikan kos sara hidup termasuk GST.

5 Kerajaan juga tersasar daripada matlamat mengutamakan pendidikan apabila peruntukan untuk Pengajian Tinggi dikurangkan RM1.442 bilion. Peruntukan Universiti Malaya, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Teknologi Mara, dikurangkan 27.3 peratus, 23.76 peratus and 23.72 peratus.



Ekonomi sukar pulih

MB: Belanja pengurusan tinggi

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Langkah diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Bajet Persekutuan 2016 tidak meletakkan negara di landasan tepat untuk memulihkan kelembapan ekonominya pada masa terdekat.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, berkata ini termasuk langkah mengekalkan perbelanjaan pengurusan ting-

gi dan perbelanjaan pembangunan yang rendah.

"Belanjawan ini tidak mencorakkan penyelesaian kerana belanja pembangunan masih kecil daripada jumlah belanjawan dibentangkan apabila belanja mengurus masih tinggi, 80.5 peratus dan pembangunan 19.5 peratus.

"Persoalannya bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh memulihkan ekonomi negara sekiranya belanja mengurus

masih kekal besar di dalam belanjawan kali ini," katanya.

Mohamed Azmin berkata demikian kepada pemberita di lobi Dewan Rakyat selepas Najib membentangkan bajet 2016, di sini, pada 23 Oktober lalu.

Katanya, dalam belanjawan kali ini, Najib juga tidak mengambil sebarang langkah menangani ketirisan, kebocoran dan rasuah yang memberi kesan negatif kepada ekonomi negara.



1MDB tiada penyelesaian, bajet defisit lagi

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sepatutnya mengambil kesempatan pembentangan Bajet Persekutuan 2016 dengan mencadangkan jalan penyelesaian isu 1MDB.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, berkata ini kerana rakyat tertunggu-tunggu pengumuman langkah konkrit Kerajaan Persekutuan bagai mengatasi kemelut syarikat sarat hutang itu, sekali gus membantu memulihkan nilai ringgit dan

ekonomi negara.

"Dia langsung tidak ada langkah menangani masalah pengurusan kewangan. Isu 1MDB langsung tak disebut sedangkan itulah yang dinanti-nantikan rakyat.

"Bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh menguruskan ekonomi dengan bertanggungjawab?," kata Mohamed Azmin.

Terdahulu, Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Najib sekali lagi membentangkan belanjawan defisit buat kali ke-17 berturut-turut.

Kegagalan mengurangkan perbelanjaan pengurusan bagi membolehkan perbelanjaan pembangunan ditingkatkan dianggap langkah tidak sihat untuk ekonomi negara yang dijangka berhadapan suasana tidak menentu pada tahun hadapan.

Ini berbeza dengan langkah yang diambil Kerajaan Selangor, menambah perbelanjaan pembangunan bagi memastikan ekonomi domestik di negeri itu dapat dijana dan sekali gus, menambah pendapatan rakyat.

Tolak GST, tangani pemborosan

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dibidas kerana cuba mengelirukan Dewan Rakyat dengan dakwaan kononnya Ahli Parlimen di blok pembangkang menerima Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, berkata Ahli Parlimen pembangkang tidak pernah bersetuju berikutan cukai terbabit yang memberi kesan negatif secara langsung terhadap kehidupan rakyat.

"Kita tak terima GST, tetapi kita mahu sebelum GST dilaksana Kerajaan Persekutuan mesti mengambil kira perkara isu ketirisan, kebocoran dan amalan rasuah yang berleluasa.

"Kita tidak pernah cadang sokong GST tetapi ahli parlimen kita mahu kerajaan jawab soalan isu fundamental dahulu seperti rasuah, salah guna kuasa," kata Mohamed Azmin pada 23 Oktober lalu.

“

Kita tak terima GST, tetapi kita mahu sebelum GST dilaksana Kerajaan Persekutuan mesti mengambil kira perkara isu ketirisan, kebocoran dan amalan rasuah yang berleluasa

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Terdahulu, Najib ketika membentangkan Belanjawan 2016 mendakwa Pakatan Harapan memasukkan GST dalam dokumen Belanjawan Alternatif Malaysia 2016.

Bagaimanapun dalam belanjawan dibentangkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr

Wan Azizah itu dengan jelas menyatakan semua barangan dikenakan GST ketika ini patut dimansuhkan atau sifar GST sekiranya mereka menerajui Putrajaya.



Bajet 'gula-gula' hadapi Pilihan Raya Sarawak

KUALA LUMPUR - Sebahagian besar projek luar bandar di Sarawak diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet Persekutuan 2016 dianggap sebagai 'belanjawan gula-gula' bagi meng-

hadapi Pilihan Raya Sarawak.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali mengingatkan semua pihak supaya tidak terkeliru kerana sebahagian besar projek itu memerlukan inisiatif pihak swasta.

"Soal pembangunan luar bandar, kita harus berhati-hati. Jangan kita dikaburi kerana sebahagian besarnya masih lagi inisiatif swasta dan bukannya kerajaan persekutuan yang hari ini mempunyai kekangan dana.

"Cukup jelas, peruntukan luar bandar Sarawak ini untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak," katanya pada 23 Oktober lalu.



Peruntukan luar bandar Sarawak 'gula-gula' kerajaan untuk memenangi pilihan raya



'Gula-gula' kakitangan awam RM1.1 bilion

Nurul Izzah: Derma Najib lagi besar

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Peruntukan tambahan RM1.1 bilion untuk kakitangan awam jauh lebih rendah berbanding 'derma' RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar mengingatkan kakitangan awam dan rakyat

tidak terperangkap dengan 'gula-gula' diumumkan dalam Belanjawan 2016 yang dibentangkan Najib pada 23 Oktober lalu.

"Patut ada kesedaran rakyat menekan Kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah seperti rasuah salah guna kuasa, urus tadbir dalam menyelesaikan masalah kos sara hidup," kata Nurul Izzah.

Ketika menyentuh langkah

membantu golongan 40 peratus yang menerima pendapatan terendah atau B40, Nurul Izzah berkata, tiada sebarang cadangan konkrit untuk membantu meringankan beban golongan itu.

"Kami di Pakatan Harapan, antaranya mencadangkan kadar sifar untuk GST, maksudnya tidak ada GST bagi menangani inflasi dan kos sara hidup rakyat," kata Nurul Izzah.

Malaysia mampu atasi Brunei jika sumber alam diurus baik

SHAH ALAM - Negara mampu memberi kebajikan kepada rakyat sama seperti apa ditawarkan Kerajaan Brunei kepada rakyatnya jika sumber kekayaan diuruskan baik.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Daroyah Alwi, berkata hal itu kerana negara mempunyai kepelbagaian sumber hasil sejak dahulu lagi berbanding Brunei.

"Barisan Nasional (BN) dah berpuluh tahun memerintah sejak merdeka tetapi masih gagal dan tiada iltizam mahu bantu rakyat.

"Sekarang baru nampak sedikit perubahan setelah Pakatan Rakyat menawan Selangor. Itu pun mereka ambil idea dari Kerajaan Negeri," katanya kepada Selangor Kini.

Katanya, Kerajaan Persekutuan memerlukan pemimpin beriltizam tinggi untuk menjaga kebajikan rakyat dan bukan me-

mentingkan kepentingan peribadi dan kroni.

"Rakyat kena tanggung beban ekonomi untuk kesenangan pemimpin. Tak cukup dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), naik pula harga petrol dan tol disusuli harga barang.

"Kesannya dapat gaji habis, malahan ramai yang wangnya jadi negatif. Macam mana rakyat nak harungi hidup begini. Harga rumah mahal, sara hidup tinggi," katanya.

“**Barisan Nasional (BN) dah berpuluh tahun memerintah sejak merdeka tetapi masih gagal dan tiada iltizam mahu bantu rakyat**

DR DAROYAH ALWI
Exco Kebajikan



Jangan mudah keliru, GST kad prabayar masih ada

SHAH ALAM - Pengguna kad prabayar telco di negara ini diingatkan supaya tidak terkeliru dengan menyangka Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dihapuskan seperti disarankan banyak pihak sebelum ini.

Bekas Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Rosli Yaakob, berkata pemberian rebat kepada pengguna seperti diumumkan dalam Bajet Persekutuan 2016 hanya langkah sementara sebelum mengenakan semula GST.

"GST prabayar sepatutnya tak dikenakan tetapi kerajaan kenakan juga selepas itu Najib umum pembayaran rebat bermula 1

Januari hingga 31 Disember 2016.

"Ini bermakna tidak ada jaminan GST kas prabayar tidak dikenakan selepas 2016," kata Dr Rosli kepada Selangor Kini.

April lalu, Kerajaan Persekutuan memperkenalkan GST ekoran hutang negara meningkat dengan mendadak khususnya sejak Najib mula dilantik sebagai Perdana Menteri.

Langkah itu dipertikaikan dan rakyat berpendapat hutang kerajaan meningkat ekoran sikap tidak bertanggungjawab pemimpin dalam menguruskan ekonomi negara.

Ahli Parlimen BN disaran bersama pulihkan krisis ekonomi

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) disaran bekerjasama dengan Pakatan Harapan (Pakatan) bagi memulihkan krisis kepimpinan dan ekonomi negara demi rakyat.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua, berkata kepentingan negara harus diutamakan pemimpin BN dan Pakatan mengenyahkan idea-

logi demi mengatasi masalah berpunca daripada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, Belanjawan 2016 dibentangkan Najib di Dewan Rakyat dilihat tidak membantu bagi meringankan beban rakyat dalam menempuh kos sara hidup tinggi.

"Kita perlu memandang secara realistik krisis ekonomi dan sosial dihadapi serta harus bersama merumuskan solusi terbaik bagi mengatasinya.

"Jika beliau memiliki semangat patriotik dan sayangkan negara ini, beliau harus meletakkan jawatan dan memberi laluan kepada kita mencari pe-

nyelesaiannya," katanya kepada media di lobi Parlimen di sini, pada 23 Oktober lalu.

Naib Presiden PKR itu berkata, isu RM2.6 bilion dibawakan Pakatan adalah isu keyakinan rakyat, pelabur dan pasaran antarabangsa terhadap Malaysia.

"Kalau Perdana Menteri tidak

dapat menjelaskan skandalnya sendiri, saya tidak nampak akan ada pemulihan ekonomi.

"Seperti dinyatakan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Majlis Raja-Raja Melayu, Kerajaan Persekutuan harus menunjukkan kesungguhan untuk menjelaskan keadaan yang menggugat keyakinan umum," katanya.

Perbelanjaan pembangunan hanya naik RM1.5 bilion

Mampukah bajet 2016 hadapi krisis?

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor, Dr Fahmi Ngah khawatir peruntukan perbelanjaan pembangunan kecil tidak mampu memacu ekonomi negara yang dijangka berdepan situasi getir tahun hadapan.

Dalam Bajet Persekutuan 2016 yang dibentangkan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan perbelanjaan pembangunan bagi 2016 hanya RM52 bilion iaitu RM1.5 bilion lebih tinggi berbanding tahun lalu.

Sementara perbelanjaan mengurus pula menelan 80.53 peratus dari keseluruhan belanjawan bersamaan RM215.2 bilion.

"Perbelanjaan pembangunan hanya naik RM1.5 bilion bagi 2016 berbanding 2015.

"Bagi tahun penuh mencabar, hanya itu untuk pembangunan ekonomi?" soal Dr Fahmi dalam reaksi beliau kepada Bajet 2016.

Secara asasnya, perbelanjaan pengurusan melibatkan perun-

tukan untuk penggajian dan keselamatan sosial kakitangan; penyelenggaraan dan operasi seperti perjalanan, utiliti, sewa serta bekalan; dan subsidi.

Selangor mengambil pendekatan berbeza dengan mengutamakan peruntukan pembangunan untuk menjana penguatkuasaan aktiviti ekonomi.

Dr Fahmi berkata, Kerajaan Persekutuan sewajarnya mengambil inisiatif menarik pelabur ke negara ini melalui langkah-langkah khusus dan reformasi urus tadbir.

"Tiada insentif spesifik memulihkan keyakinan pelabur yang saban hari mencurigai peluang berlabur di dalam negara.

"Tiada penambahbaikan tatakelola kecuali penambahan jumlah anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," kata beliau.

Dr Fahmi turut mengingatkan orang supaya tidak terpedaya dengan suguhati Kerajaan Persekutuan kerana ia datang dari hasil kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan ke atas rakyat.

"Pendapatan hilang daripada petroleum dianggarkan RM30 bilion akan ditampung dengan GST berjumlah RM39 bilion.

"Jadi, yang menyelamatkan negara adalah rakyat bukannya kerajaan," katanya.

“

Tiada insentif spesifik memulihkan keyakinan pelabur yang saban hari mencurigai peluang berlabur di dalam negara

DR FAHMI NGAH

CEO Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor



“

Tidak adil isi rumah pendapatan RM3,000 ke bawah sahaja menerima subsidi bantuan persekolahan kerana pada tahun sebelumnya tiada had pendapatan. Bagaimana pula kami bergaji RM3,001 dengan anak ramai kerana waktu sekarang ini walaupun bergaji RM5,000 masih dalam kategori golongan sederhana,"

Nur Hasnah Hamzah, 50, Kakitangan Swasta



Dia tidak fikir kesengsaraan dialami rakyat golongan miskin dan sederhana ini. Dia seharusnya membuat kajian, sebelum membuat sesuatu perubahan pada Belanjawan 2016 lalu,"

Haslina Safian, 40, Kakitangan Swasta



Sudah la perlu membayar pelbagai cukai, harga tol dan minyak juga naik, ditambah pula setiap barangan dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Walaupun ada pembentangnya untuk pembangunan ekonom negara, tetapi kurang kebaikan dan faedah sepatutnya diberi kepada rakyat,"

Mohd Saiful Nizar, 29, Jurutera

Kejatuhan ringgit jejas IKS

SHAH ALAM - Kesan kejatuhan nilai ringgit sebanyak 16 hingga 20 peratus sejak beberapa bulan lalu memberi impak besar kepada kebanyakan syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) yang bergantung kepada bahan import untuk menghasilkan produk.

Bekas Pengarah Bank Negara, Dr Rosli Yaakob, berkata bahawa terdapat laporan beberapa syarikat IKS terpaksa menghentikan operasi ekoran tidak lagi mampu menanggung pertambahan kos akibat pertukaran wang asing yang tinggi.

Bagaimanapun jelas beliau, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dilihat masih tidak berbuat



apa-apa termasuk menjelaskan pelan bagi mengatasi isu kejatuhan nilai ringgit dalam pembentangan Belanjawan 2016.

"Tiada langkah khusus atau spesifik membaiki nilai pertu-

karan asing bagi ringgit. Memang kosong. Tiada usaha mematahkan tekanan terhadap ringgit sehingga menyebabkan terus jatuh.

"Kita tahu salah satu sebab kejatuhan ringgit akibat krisis

“

Tiada langkah khusus atau spesifik membaiki nilai pertukaran asing bagi ringgit. Memang kosong

DR ROSLI YAAKOB
Bekas Pengarah Bank Negara

1MDB tetapi dalam belanjawan tak disebut langsung isu 1MDB, apatah lagi langkah kerajaan menangani hutang 1MDB ini. Tidak ada. Bagi saya ini pelik," kata Dr

Rosli kepada Selangor Kini.

Katanya, Kerajaan Persekutuan sepatutnya mengambil langkah supaya institusi kukuh tunai seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Sime Darby membawa pulang pelaburan masing-masing dari luar negara.

Kata Dr Rosli lagi, selain memberi kesan terhadap syarikat IKS, kejatuhan ringgit turut menyebabkan pengguna membayar harga lebih mahal untuk makanan.

"Import bahan makanan tinggi, lebih kurang RM10 bilion setahun. Bila ringgit jatuh, kos import jadi tinggi dan menyebabkan harga makanan mahal yang menjejaskan pengguna," katanya.

Bajet Najib tiru Selangor

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Tidak cukup 'menciplak' idea Skim Ceria dan Pembiayaan 10 Peratus Wang Pendahuluan Membeli Rumah, Kerajaan Persekutuan didakwa turut meniru beberapa program lain di bawah Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dalam Belanjawan 2016.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata Belanjawan 2016 dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut mencontohi idea Skim Khairat Kematian untuk peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di bawah Kerajaan Negeri.

"Mereka melihat keberkesanan di Selangor hasil usaha Kerajaan Negeri memberi kebajikan

untuk rakyatnya dalam program MES dan mereka lihat kita punya iltizam dan penanda aras di Selangor nak membantu rakyat.

"Maknanya bila kita dah jalankan selama tujuh tahun ini, mereka melihat dan kaji keberkesanannya bagaimana hati rakyat Selangor dekat dengan Kerajaan Negeri, timbul pula rasa sayang apabila mereka dijaga sejak lahir hingga hujung hayat semua merasa program MES.

"Kerajaan Persekutuan mengapa tidak keluarkan idea sendiri atau sekurang-kurangnya berikan penghargaan kepada Selangor dan tidak mendabik dada kata ini idea sendiri," kata Dr Daroyah kepada Selangor Kini.

Selain Skim Khairat Kematian untuk peserta SMUE, Program

Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang dilancarkan pada April 2011 turut menjadi ikutan Kerajaan Persekutuan dengan mewujudkan Tuisyen Rakyat 1 Malaysia (TR1M) pada Jun 2012.

Terdahulu, Najib semasa membentangkan Belanjawan 2016 mengumumkan waris penerima BR1M bakal menerima khairat kematian berjumlah RM1,000 berbanding RM2,500 bagi waris peserta SMUE.

Beliau turut mengumumkan Skim Pembiayaan Penyelenggaraan Rumah Pangsapuri yang

mirip kepada Skim Ceria dan Skim Pembiayaan Wang Pendahuluan Membeli Rumah seperti yang dinyatakan Exco Perumahan Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad pada Ogos lalu.

Manakala program Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M) yang menawarkan baucar buku bernilai RM200 kepada pelajar pengajian tinggi, walaupun mempunyai mekanisme berbeza tetapi mirip kepada Skim Hadiah Anak Masuk Universiti yang menawarkan pemberian RM1,000 oleh Kerajaan Negeri.



Dr Daroyah Alwi

Persekutuan patut adil agih peruntukan perumahan

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan perlu bersifat lebih adil dalam pengagihan peruntukan perumahan terhadap negeri termasuk di bawah kepimpinan Pakatan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata pemberian itu patut berdasarkan keperluan pembangunan dan bukan bersifat politik.

"Kita lihat ada kalanya peruntukan itu tidak turun kepada sasaran. Contoh di Selangor ada peruntukan sebelum ini tetapi tidak dapat kepada kita bahkan ke negeri lain.

"Diharap Kerajaan Persekutuan bertindak adil dalam agihan projek dan peruntukan. Ia diberikan berdasarkan keperluan, bukan berdasarkan politik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media ketika diminta men-



Iskandar Abd Samad

gulus mengenai Bajet 2016 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 23 Oktober lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk projek pembinaan rumah

rakyat termasuk PR1MA dengan syarat mereka mematuhi peraturan rumah mampu milik dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menyentuh soal Belanjawan Selangor beliau berkata, Kerajaan Negeri juga bakal memperkenalkan inisiatif bantuan deposit kewangan bagi mereka yang ingin membeli rumah pertama.

Perkara itu akan diumumkan sendiri Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali pada 30 Oktober ini.

"Saya melihat kepada pembiayaan pemberian deposit kepada mereka yang mahu membeli rumah. Mesyuarat Exco Selangor dua minggu lepas bersetuju dengan program ini.

"Saya tidak tahu siapa ikut siapa tetapi akan diumumkan dalam pembentangan belanjawan minggu hadapan," katanya yang juga Adun Cempaka.

Gagal tangani isu teras negara

SHAH ALAM - Belanjawan Persekutuan 2016 gagal menangani isu teras bagi mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan dalam memulihkan iklim politik dan ekonomi negara.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata belanjawan itu 'terlupa' untuk menangani isu utama ekonomi yang melanda negara ketika ini khususnya peningkatan kos sara hidup rakyat.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sepatutnya membawa Malaysia supaya membangun dengan lebih mampan di masa depan.

"Kita tidak mahu lihat berapa banyak peruntukan kepada hospital, sekolah atau bantuan rakyat 1 Malaysia (BR1M). Ini bukan hasrat sebenar tetapi rancangan fiskal kewangan harus ditangani dalam negara ini.

"Contohnya, isu kepercayaan terhadap institusi penting negara termasuk perbankan, perniagaan dan kehakiman. Bukan soal nak bagi gula-gula. Belanjawan tidak menyebut perkara ini sebaliknya mempertahankan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)," katanya.

Amirudin berpendapat langkah Kerajaan Persekutuan un-



Kita tidak mahu lihat berapa banyak peruntukan kepada hospital, sekolah atau bantuan rakyat 1 Malaysia (BR1M). Ini bukan hasrat sebenar tetapi rancangan fiskal kewangan harus ditangani dalam negara ini

AMIRUDIN SHARI
Exco Generasi Muda

tuk menuju menjadi negara berpendapatan tinggi sukar ketika kepercayaan rakyat kepada kepimpinan negara ditahap terendah.

Persekutuan 'ciplak' idea Selangor

SHAH ALAM - Beberapa skim perumahan 'diperkenalkan' Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam Belanjawan 2016 baru-baru ini turut mengengahkan idea Kerajaan Selangor.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata antara idea 'ciplak' yang 'diperkenalkan' Najib, Skim Pembiayaan Wang Pendahuluan Untuk Membeli Rumah dan Skim Pembiayaan Penyelenggaraan Bagi Perumahan Kos Rendah.

"Kerajaan Negeri terlebih da-

hulu mengumumkan Skim Pembiayaan Deposit Pembelian Rumah Mampu Milik yang bakal dibentangkan Dato' Menteri Besar dalam belanjawan nanti.

"Skim Pembiayaan Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah kita dah mula sejak 2011 lagi dan Perdana Menteri juga ikut idea ini.

"Ini menunjukkan kita juga menyumbang idea kepada belanjawan Persekutuan ini dan diiktiraf. Kita mengalu-alukan dan tahniah walaupun ciplak, tak mengapa," kata Iskandar kepada Selangor Kini.

Pada 2011 Kerajaan Negeri memperkenalkan Program Pembiayaan Membaik Pulih dan Kerja Penyelenggaraan Kemudahan di pangsapuri kos rendah di bawah Program Ceria.

Manakala pada Ogos lalu, Iskandar memberitahu Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan Skim Pembiayaan Wang Pendahuluan 10 peratus untuk membeli rumah mampu milik Selangorku bagi golongan kurang berkemampuan dalam Belanjawan 2016 yang dibentangkan pada 30 Oktober.

Sultan tarik balik gelaran 'Datuk Seri' Khir Toyo

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menarik balik gelaran Datuk Seri yang dikurniakan kepada Bekas Menteri Besar, Dr Mohammad Khir Toyo pada 2001 berkuatkuasa 30 September lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata penarikan itu berasaskan rekod jenayah Khir menyebabkan beliau tidak layak memegang jawatan Dar-

jah Kebesaran Negeri Selangor.

"Sultan memandang berat tentang reputasi penerimaan darjah terutama dalam kalangan pemimpin terlibat masalah tidak berintegriti.

"Mana-mana pihak juga ditegah daripada memanggil beliau menggunakan gelaran berkenaan memandangkan kurniaan tersebut dibatalkan," katanya dalam kenyataan.

Khusrin berkata, penerima darjah seharusnya memelihara status, disamping tidak terlibat dengan perbuatan salah laku

jenayah demi melindungi mar-tabat Sultan.

Sebelum itu, Khir Toyo di sabit kesalahan oleh Mahkamah Persekutuan kerana mendapatkan dua lot tanah serta sebuah banglo di Seksyen 7, Shah Alam lapan tahun lalu.

Beliau menerima hukuman penjara selama 12 bulan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali pada 22 September lalu.



'Langkah Rawang' hanya propaganda

SHAH ALAM - PKR lebih fokus melakukan 'Langkah Pekan' demi menyelamatkan negara berbanding 'Langkah Rawang' yang hanya bersifat propaganda, kata Adun Rawang, Gan Pei Nei.

Tidak hanya menafikan, Pei Nei juga menyelar pencetus propaganda 'Langkah Rawang' itu sebagai tindakan terdesak mengalihkan perhatian rakyat yang kini tertumpu kepada krisis negara.

"Jelas propaganda ini dibuat oleh pihak terdesak untuk mengalihkan perhatian terhadap krisis dalam Umno-BN dan undi tidak percaya terhadap Najib serta skandal 1MDB," katanya dalam menerusi Facebook.

Sebelum ini, sebuah blog mendakwa 'Langkah Rawang' bertujuan menggantikan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dengan Bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, yang kini menyertai PKR, Datuk Saifuddin Abdullah.

Polis patut siasat kes cabul 'Miss T'

SHAH ALAM - Polis digesa supaya tidak menanggah siasatan berkenaan kes pencabulan seorang wanita yang didakwa dilakukan seorang doktor di sebuah klinik kerajaan, baru-baru ini.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabattirau, berkata laporan polis sudah dilakukan mangsa pada 8 Oktober lalu, namun tiada tindakan susulan.

Katanya, sehingga hari ini pihak polis masih belum mendapatkan keterangan daripada mangsa termasuk memanggil doktor yang merawatnya.

"Laporan polis dibuat semasa hari kejadian, namun mereka menunjukkan seperti tiada minat untuk menyiasat kes itu.

"Klinik juga seperti lepas tangan dan tidak mengendahkan perkara itu," katanya dalam posting video di Facebook.

Ganabattirau berkata, kes itu perlu dipandang serius kerana melibatkan maruah wanita dan tidak menolak kemungkinan boleh berlaku kepada pesakit wanita lain.

Katanya, insiden itu juga menyebabkan kredibiliti klinik kerajaan akan hilang susulan tindakan tidak bermoral doktor bertugas.

Penduduk boleh nikmati WiFi percuma

PETALING JAYA - Penduduk di DUN Bukit Gasang kini boleh menikmati perkhidmatan internet percuma WiFi Selangorku sepenuhnya apabila tiga kawasan tumpuan ramai sudah dilengkapi alat pemancar.

Adunnya, R.Rajiv, berkata kemudahan sama bakal diperluas dari masa ke masa bagi memastikan lebih ramai penduduk menikmati perkhidmatan itu.

"Setakat ini, WiFi Selangorku berpusat di Medan Selera Seksyen 8, Seksyen 14 dan Seksyen 17.

"Kita juga dalam perancangan menambah WiFi Selangorku di Seksyen 25 berdekatan mahkamah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)," katanya.

Rajiv berkata, pemusatan WiFi Selangorku itu mengambil kira keperluan memastikan masyarakat kawasan kos rendah merapatkan jurang digital dan bersama mengikuti perkembangan teknologi.

"Kawasan itu diduduki majoriti rakyat berpendapatan rendah dan tidak mampu pasang modem internet kerana kos yang agak tinggi.

"Selepas ini, mereka tidak lagi perlu ke kedai kopi mahal atau ke kedai makanan segera untuk mengakses internet," katanya.

Belanjawan 2015 berkesan Rumah Selangorku capai sasaran

SHAH ALAM - Pelaksanaan perumahan Selangorku mengatasi sasaran ditetapkan Kerajaan Negeri apabila 20,000 unit dibina dalam tempoh tiga tahun.

Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar, Shuhaimi Shafiei, berkata perancangan digariskan dalam Belanjawan 2015 itu adalah pencapaian membanggakan dengan sasaran awal sekitar 15,000 unit sahaja.

"Ia kejayaan Kerajaan Negeri apabila anak syarikat dan swasta dapat menyiapkan rumah dalam tempoh ditetapkan hingga melepasi sasaran awal.

"Pembangunan juga bersifat adil tanpa membezakan golongan kurang berkemampuan dan berada menerusi konsep pembinaan dalam kawasan sama," katanya kepada Selangor Kini.

Adun Sri Muda itu berkata, pemba-

ngunan terbabit nyata menepati tema belanjawan 2015 iaitu 'Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan' di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Konsep perumahan Selangorku menyediakan empat jenis rumah iaitu A berharga RM42,000, B (RM120,000), C (RM180,000) dan D (RM220,000 hingga RM250,000).

"Maklum balas rakyat di seluruh daerah adalah positif dan ternyata belanjawan dibentangkan tahun ini menepati atau mencapai sasaran seperti mana diinginkan.

"Biarpun pertumbuhan ekonomi dijangka agak menguncup tahun hadapan namun, Kerajaan Negeri bersedia hadapinya menerusi perancangan belanjawan 2016 yang peduli rakyat dengan pembaharuan positif," katanya.



Umno-BN tak perlu demo

SHAH ALAM - Umno Selangor disaran melantik Ketua Pembangkang Dewan Negeri Selangor (DNS) bagi menyuarakan ketidakpuasan terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri.

Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Hannah Yeoh, berkata langkah itu jauh lebih baik daripada menyuarakan pandangan di jalanan menerusi demonstrasi seperti dianjurkan Ketua Umno Sungai Besar, Datuk Jamal Md Yunos.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan suara pembangkang bagi menambah baik pentadbiran demi manfaat rakyat.

"Malangnya sehingga kini, kita tidak terima nama Ketua Pembangkang lagi.

"Sebab itu saya fikir lebih baik mereka letak nama ketua untuk bersuara dalam DNS, buat apa susah-susah jelajah Selangor," katanya kepada Selangor Kini pada 23 Oktober lalu.

Beliau diminta mengulas kekosongan kerusi Ketua Pembangkang selepas Adun Sungai Burog, Datuk Mohd Shamsuddin Lias melepaskan jawatan kerana menolak pelantikannya sebagai pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Selangor.

Pada 18 Oktober lalu, himpunan Selamatkan Selangor anjuran Jamal dilabel gagal oleh media apabila himpunan itu hanya dihadiri kurang 200 peserta.



Keutamaan penggandaan nilai ekonomi dalam merencana belanjawan

{KOMENTAR}

OLEH DR FAHMI NGAH

Bagi penggubal dasar, unit kewangan jabatan dan agensi, inilah masa untuk mengimbuai kembali perbelanjaan tahun lalu untuk diteladani dalam merancang perbelanjaan tahun hadapan. Beberapa perkara harus diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan belanjawan tahunan jabatan serta agensi negeri.

Soal rasional perbelanjaan atau tujuannya bukan suatu perkara yang boleh dianggap sebagai suatu rutin yang didasarkan kepada pertambahan kadar unjukan saban tahun. Dalam era ketandusan, sumber kewangan yang bukan sahaja melanda negeri bahkan dunia, penggandaan nilai (multiplier effect) dan nilai terbaik (best value) harus menjadi asas penting dalam menentukan keutamaan bidang sasaran dan tahap kewangan yang diperlukan. Kita tidak lagi hidup dalam dunia kewangan yang tiada had. Dengan pertambahan keperluan untuk setiap agensi dan jabatan, perebutan akan terus belaku sekiranya ekonomi negeri tidak dikembangkan dengan baik.

Di peringkat dasar dan perancangan, keutamaan harus diberikan untuk mewu-

judkan lebih banyak program pengandaan nilai ekonomi. Ekonomi negeri yang terlalu berpusatkan kepada sumber hartanah tentunya tidak akan menjamin kemampuan pendapatan untuk masa hadapan. Tanpa pengandaan nilai, sukar bagi kerajaan untuk berbelanja lebih bagi menjamin kemakmuran rakyat.

Penting juga keberkesanan pelaksanaan perbelanjaan tahun lalu diimbias semula. Tidak wajar jika perbelanjaan yang diluluskan pada awal tahun hanya dibelanjakan hanya selepas separuh tahun berlalu. Kelewatan ini akan menjejaskan keberkesanan program yang direncanakan di peringkat dasar yang pada akhirnya jika dikritik rakyat tidak akan menguntungkan mana-mana pihak sama ada jabatan pelaksana atau pentadbiran menteri besar sendiri.

Justeru, pendekatan sebegini harus diambil kira untuk memastikan kelangsungan program pencetus ekosistem ekonomi baru dan juga sistem penyampaian (delivery) yang lebih baik untuk rakyat melalui Belanjawan 2016 ini.

Dr Fahmi Ngah adalah Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor



Kilang Nestle di Sri Muda tawar 2,000 peluang kerja

Sultan rasmi kilang Nestle berharga RM288 juta

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan kilang kelapan syarikat gergasi pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan sedunia, Nestle yang berharga RM288 juta.

Pengarah Eksekutif, Teknikal dan Pengeluaran Nestle, Adnan Pawanteh, berkata kilang yang terletak di kawasan Kompleks Kilang Nestle Shah Alam di Sri Muda itu berkeluasan 40,000 meter

persegi turut menawarkan 2,000 peluang pekerjaan.

"Pekerja kami adalah warganegara tempatan yang ini adalah sebahagian sumbangan kami kepada negara ini," kata Adnan.

Beliau berkata demikian pada sidang media majlis Perasmian Kilang Sri Muda Nestle dan Lawatan Kilang Maggi Shah Alam di sini, pada 26 Oktober lalu.

Katanya, kilang yang dibina itu bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran produk sedia diminum itu merupakan sebahagian

daripada strategi pertumbuhan jangka panjang Nestle.

Dalam majlis itu selain melawat Kilang Sri Muda, DYMM Sultan Sharafuddin turut berkenan melawat Kilang Batu Tiga yang menghasilkan produk mi segera, Mi Maggi terbesar di Malaysia dan Singapura.

Turut mengiringi Baginda Sultan, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan Yang Amat Mulia Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin.

Prasarana setuju ubah jajaran LRT3 demi kelesaan penduduk

SHAH ALAM - Syarikat Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) bersetuju untuk mengubah laluan bagi jajaran Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) dari Bandar Utama ke Johan Setia di Klang seperti didesak penduduk Taman Muhibah.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata laluan LRT3 yang sebelum ini dirancang melalui kawasan perumahan itu diubah laluannya ke

Pasar Besar Klang di Jalan Meru.

"Dengan perubahan ini, jajaran LRT3 tidak lagi melintasi kawasan perumahan berkenaan dan perubahan jajaran juga tidak melibatkan sebarang pengambilalihan hartanah.

"Malah stesen yang awalnya dirancang dibina bersebelahan SMK Tinggi Klang turut ditukar ke sebelah pasar," katanya dipetik Bernama pada 20 Oktober lalu.

Mengikut perancangan awal, sebanyak 12 unit rumah dan

lapan unit rumah kedai di Taman Muhibah akan diambil alih dan dirobuhkan bagi membina jajaran itu sepanjang 35 kilometer yang dijangka siap sepenuhnya menjelang 31 Ogos 2020.

Projek itu merupakan sebahagian daripada Pelan Induk Nasional Pengangkutan Awam Darat ke arah pembangunan sistem pengangkutan awam darat yang cekap, berkesan, bersepadu dan mapan bagi meningkatkan tahap sosio ekonomi dan kualiti hidup rakyat.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

Aset GLC diurus lebih baik dan strategik

Nilai sendiri pencapaian pengurusan baharu MBI



Q&A

Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) adalah antara badan induk dalam memacu pembangunan ekonomi negeri. MBI bertanggungjawab dalam mengubati 'penyakit' anak syarikat yang tidak proaktif melalui pelbagai usaha serta pendekatan terkini. **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIFNYA, RAJA SHAHREEN RAJA OTHMAN** merungkai segala persoalan termasuk pandangan berkenaan Belanjawan Selangor 2016 yang bakal dibentangkan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, di Sidang Dewan Negeri Selangor, pada 30 Oktober. **WARTAWAN SELANGOR KINI, AFEEQA AFEEQA** mengupas persoalan terbabit dalam sesi wawancara bersama beliau, baru-baru ini.

“

Aset milik anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) perlu diurus dengan lebih baik dan strategik supaya memberi pulangan dan manfaat yang lebih kepada Kerajaan Negeri dan rakyat. Dalam hal ini, Dato' Menteri Besar memberi mandat kepada MBI untuk mengkaji, menyatu, merasionalisasikan aset

Sepanjang setahun menerajui jawatan ketua pegawai eksekutif, apakah langkah pembaharuan yang dilakukan MBI?

Saya dapati ketika memulakan tugas, MBI mempunyai peranan yang bertindih dan menyebabkan objektif tidak fokus. MBI bertanggungjawab mengurus aset Kerajaan Negeri termasuk aspek pelaburan untuk menjana pendapatan dan pada masa sama menguruskan program tanggungjawab sosial kepada rakyat.

Pertindihan ini menyebabkan MBI tidak dapat memberi pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri khususnya dalam ben-

tuk dividen kerana tidak dapat memberi fokus kepada aset dan pelaburan.

Justeru itu, saya melihat peranan MBI tidak boleh lagi sekadar menjadi pelabur pasif. Selain fokus kepada tanggungjawab sosial, MBI juga perlu meneliti aspek penciptaan nilai atau 'value creation' supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada Kerajaan Negeri.

Aset milik anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) perlu diurus dengan lebih baik dan strategik supaya memberi pulangan dan manfaat yang lebih kepada Kerajaan Negeri dan rakyat.

Dalam hal ini, Dato' Menteri

Besar memberi mandat kepada MBI untuk mengkaji, menyatu, merasionalisasikan aset dan menyelaraskan strategi perniagaan anak syarikat supaya dapat memperbaiki sistem penyampaian dan mendukung dasar ekonomi negeri.

Justeru itu, saya mengambil langkah menyelaraskan semula hala tuju korporat MBI supaya aspek seperti pelaburan, tadbir urus profesional dan budaya berprestasi tinggi turut menjadi keutamaan.

Di peringkat MBI pula, kita memperkenalkan dan melaksanakan 'corporate governance' atau tadbir urus korporat yang setan-

ding dengan syarikat korporat lain serta mengenalpasti modal insan terbaik untuk merealisasikan segala hasrat ini.

Apakah cabaran dihadapi pengurusan MBI untuk menstruktur semula anak syarikat Kerajaan Negeri?

Antaranya, isu legasi dan perundangan membabitkan GLC. MBI sedang meneliti dan mencari jalan penyelesaian terbaik yang memberi manfaat kepada semua pihak khususnya kepada Kerajaan Negeri.

Pada masa sama, kita menyusun atur strategi untuk menda-

patkan pulangan yang lebih banyak daripada pelaburan sedia ada dan baru. Kita juga menyedari ada pihak yang cuba mempolitikkan isu penstruktur semula ini, namun MBI sentiasa bersedia untuk 'engage' dan memberi penerangan kepada semua, khususnya untuk menjelaskan segala keputusan yang dibuat adalah sangat penting untuk memacu ekonomi Selangor pada masa hadapan.

Kita juga dalam proses untuk mengenalpasti modal insan yang berwibawa untuk mengemudi segala perancangan korporat. Saya harap semua pihak bersatu padu dan fokus kepada agenda memakmurkan Selangor.



“
Saya berpandangan bahawa misi dan visi Dato’ Menteri Besar cukup jelas, salah satunya mahu MBI menjadi pemangkin mewujudkan dan memastikan persekitaran ekonomi yang baik di dalam negeri

Harapan MBI untuk mencapai KPI yang lebih baik dalam program CSR atau pengurusan kewangan?

Peranan MBI amat penting dalam memastikan segala polisi dan program tanggungjawab sosial yang direncana Kerajaan Negeri disalurkan secara efektif kepada rakyat.

Dalam hal ini, saya melihat pencapaian MBI bukan saja perlu dilihat daripada aspek menjaga kebajikan rakyat, tetapi bagaimana MBI berupaya menjana pendapatan secara mampan supaya program tanggungjawab sosial seperti Hijrah dan Wifi Selangorku dapat dilaksanakan secara berterusan pada masa hadapan.

Saya berharap semua pihak, khususnya rakyat Selangor memberi ruang dan peluang kepada saya dan pengurusan baru MBI untuk menggerakkan segala agenda yang dirancang dan menilai sendiri pencapaian MBI kelak.

Apakah antara program yang sudah dilaksanakan MBI untuk rakyat Selangor?

MBI sudah melaksanakan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti Hijrah dan Yawas. Saya yakin semua program ini memberi manfaat kepada rakyat dan akan ditambah baik lagi pada masa hadapan.

Selain itu, penyediaan internet percuma kepada rakyat melalui Program Wifi Selangorku juga sedang digiatkan. Kita menjangkakan pemasangan 2,500 hotspot di seluruh negeri akan lengkap semuanya, pada penghujung tahun ini.

Sehingga kini, bagaimanakah prestasi anak syarikat dan GLC?

Saya melihat anak syarikat berada dalam keadaan baik dan stabil, namun masih banyak perkara yang perlu diperbaiki khususnya daripada segi tadbir urus korporat, budaya berprestasi tinggi serta mengenalpasti peluang pelaburan baru.

Di bawah pentadbiran Dato’ Menteri Besar, apakah kebaikan dan pembaharuan yang MBI nampak untuk pentadbiran anak syarikat (peruntukan belanjawan, pengurusan, dan lain-lain)?

Saya berpandangan bahawa misi dan visi Dato’ Menteri Besar cukup jelas, salah satunya mahu

MBI menjadi pemangkin mewujudkan dan memastikan persekitaran ekonomi yang baik di dalam negeri.

Ini bukan sahaja untuk kemakmuran GLC tetapi untuk turut memberi keyakinan kepada pelabur serta syarikat swasta menjalankan aktiviti ekonomi di negeri ini.

Di peringkat MBI sendiri, Dato’ Menteri Besar melihat keperluan untuk ‘diversify income’ supaya Selangor terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara. Justeru, MBI sedang mengenalpasti sektor ekonomi yang boleh memberi pulangan baik kepada rakyat.

Untuk tahun hadapan, sektor manakah MBI akan beri tumpuan? Hartanah? Pengurusan sisa pepejal?

Antara sektor yang akan diberi tumpuan adalah sektor pembangunan hartanah, pengurusan sisa pepejal, pendidikan dan sektor lain yang berupaya memberi impak strategik kepada Kerajaan Negeri.

Bagaimanakah MBI melihat kedudukan Selangor dalam mendepani cabaran ekonomi semasa yang semakin tertekan?

Selaku penyumbang utama kepada hasil negara, sudah pasti Selangor berdepan cabaran yang cukup besar dalam keadaan ekonomi semasa.

Namun, saya percaya dengan pengurusan ekonomi yang cerdas dan iltizam kuat, Selangor bukan saja berupaya berdepan cabaran ekonomi global, bahkan menjadi ‘role model’ kepada negeri lain.

Penstrukturan semula GLC dan mengenalpasti peluang pelaburan baru adalah antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan Selangor terus kukuh sebagai kuasa ekonomi serantau.

Harapan MBI untuk Belanjawan 2016?

Saya yakin, Belanjawan Selangor 2016 akan memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat seperti tahun lalu. Mungkin ada penambahbaikan daripada segi program mengupayakan usahawan tempatan dan meningkatkan daya saing dalam kalangan wanita.

Daripada segi ekonomi pula, saya berpandangan bahawa Selangor di bawah pimpinan Dato’ Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mempunyai kekuatan tersendiri untuk menghasilkan satu belanjawan baik dan menyeluruh khususnya dalam mendepani keadaan ekonomi serantau yang kian mencabar.





▲ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali menyampaikan hadiah kepada antara pemenang dalam Kejujutan Futsal Piala Dr Halimah Ali



▲ Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail beramah mesra dengan peserta Jom Shopping Deepavali DUN Kajang yang mendapat baucer RM100 daripada Kerajaan Selangor di Econsave Jalan Reko Kajang.



▲ Adun Kampung Tunku, Lau Weng San beramah mesra dan meninjau suasana kemeriahan Bazar Deepavali di DUN Kampung Tunku.



▶ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad di Program Tukar Minyak Hitam Motorsikal dan Santai Bersama Pemuda Taman Sri Indah, Bestari Jaya



▲ Adun Sabak, Sallehen Mukhyi menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada warga emas di Kampung Parit 7 Timur dan Kampung Parit 8 Timur



▲ Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin melawat 'Tandas Contoh' di Pusat Komersial SS2 bagi memastikan kemudahan awam ditambah baik



▲ Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafie menunjukkan bakat di Program Jom Buat Muruk di Seksyen 28 Shah Alam



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan beramah mesra dengan kanak-kanak semasa Perasmian Padang Cergas dan Kejujutan Bolasepak Tertutup di DUN itu



▲ Adun Melawati, Jakiran Jacomah menyampaikan hadiah Kempen Kebersihan sempena sambutan Maal Hijrah peringkat JKP Taman Penggawa. Turut hadir Pegawai Kesihatan dan Pegawai Perpaduan dan Integrasi Nasional Daerah Kuala Selangor



▲ Adun Meru, Dr Abd Rani Osman bersama-sama masyarakat di Program Gotong Royong dan Kempen Cegah Denggi di Jalan Khamis serta Program Kitar Semula di Surau Haji Mat Som



Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari bersama-sama meraikan penduduk merancang program dakwah dan komuniti di Seksyen U16, Denai Alam dan Bukit Subang

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Penganjuran Festival Seni Selangor 2015 (Selfiesta'15) dilihat mampu mengangkat kepelbagaian ekspresi seni dalam usaha memartabatkan Shah Alam sebagai Kota Seni.

Pengurus Besar PKNS Real Estate Sdn BHD (PREC), Fakru Radzi Ab Ghani, berkata Selfiesta'15 yang julung kali diadakan itu bertujuan menyokong perkembangan seni daripada pelbagai penggerak seni muda tempatan.

"Selfiesta'15 merupakan cetusan idea bersama-sama Kerajaan Negeri. Ia bertepatan dengan visi Selangor dalam ranah seni budaya.

"Oleh itu, kami bertindak menganjurkan pesta ini bagi mengangkat kepelbagaian ekspresi seni dan membawa seni terus kepada masyarakat supaya dapat dinikmati semua," katanya kepada Selangor Kini, pada 25 Oktober lalu.

Fakru Radzi berkata pelbagai aktiviti menarik diadakan antaranya seni lukis, seni persembah-

an, seni bina, seni muzik dan seni mempertahankan diri dianjurkan.

"Pesta seni ini juga menampilkan beberapa ikon seperti sasterawan negara, Dr Zurinah Hassan; Pelakon Zain Ruffedge dan Rita Rudiani serta perunding mempertahankan diri, Master Saiful Hamirizzaman dan pelukis potret, Fatah Syukri," katanya.

Beliau berkata selain aktiviti hiburan, turut diadakan Wayang Pacak dengan Filem terbaru 'Love Supermoon' dipertontonkan.

"Sebanyak 20 gerai pameran yang menampilkan karya pelajar tahun akhir Fakulti Seni Bina Perancangan Ukur (FSPU), Universiti Teknologi Mara (UITM) bagi menyokong pembangunan kapasiti pelajar serta ruang niaga untuk usahawan muda," katanya.

Aktiviti lain, pertandingan kompang memabitkan 10 kumpulan dan 13 kumpulan buskers berentap. Pameran seni arca dan figura juga dihias-

kan di sekitar SACC Mall.

Selfiesta'15 martabatkan Shah Alam jadi Kota Seni



"Kami bertindak menganjurkan pesta ini bagi mengangkat kepelbagaian ekspresi seni dan membawa seni terus kepada masyarakat supaya dapat dinikmati semua"

FAKRU RADZI
Pengurus Besar PKNS
Real Estate Sdn Bhd



SUARA

Aku percaya pada anehnya suara yang berbisik yang datang meredah gegandang dengar, sesaat lalu langsung menghilang terbang ditelan bayang angin.

Itu bisik dari kejauhan yang paling rindu aneh dalam terkenang dalam bahang rahsia yang tak terluahkan.

Suara rindu tanpa cumbu sesaat aku tersentak diusik oleh rasa yang menyimpan perasaannya dalam kerdip bintang yang tak tergapai firasat.

Nurul Afna Akma Zakaria

Premis perniagaan disaran wujud ruang khas seni

SHAH ALAM - Premis perniagaan termasuk hotel, restoran mahupun bangunan pejabat disarankan menyediakan ruang khas seni bagi memastikan ekspresi seni ditonjolkan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata hal itu selaras usaha memartabatkan Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni.

Katanya, beliau akan berbincang dengan Dato' Menteri Besar, Mo-

hamed Azmin Ali bagi mencadangkan perkara itu.

"Sudah sampai masanya kita mencadangkan dasar iaitu mengenakan kelebihan yang boleh difikirkan untuk menggalakkan Kota Seni menjadi sebahagian dalam masyarakat.

"Mungkin perlu difikirkan bentuk insentif yang diberikan sebagai galakan lebih ramai premis menyertai ruang kesenian mereka," katanya kepada Selangor Kini.

Amirudin memuji usaha SACC Mall

yang ke hadapan dalam menyediakan ruang khas bagi peminat Buskers.

"Jadual penggunaan tempat ini disediakan kemudian tertakluk kepada pentadbiran.

"Setakat ini, SACC Mall ke hadapan dalam usaha ini. Ini bakal menjadikan ikutan kepada premis lain," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata penganjuran Festival Seni Selangor 2015 (Selfiesta'15) bakal dijadikan program tahunan.

OLEH ABDULLAH SAM

Langit hangus. Malam ini seperti aku sudah terlepas harijadi yang ke-22. Mereka tidak tahu, selalunya. Dan aku pun tidak tahu.

Pada hari ibu mati, aku cuma berdiri di muka pintu memandangi ibu yang terbaring di dalam keranda dengan wajah yang pucat. Ayah berdiri menghadap tingkap, membelakangkan tetamu, membelakangkan ibu dan aku sendiri. Dia tertunduk dan tubuhnya menggigil. Aku tak tahu apa yang perlu aku beritahu pada dia; "maafkan aku, yah". Mungkin itu jalan yang terbaik. Tapi bagaimana? Bilik menjadi sempit, rakan-rakan ibu terlalu besar untuk aku pergi ke arah ayah. Corak awan biru di dinding gurgur perlahan-lahan; air mataku tersejat di sebuah kolam yang terlalu besar. Syiling terhampar seperti karpet Turki yang besar dan berbulu.

"Ke mari, peluk ibu kau untuk kali terakhir." Makcik Rory memanggil aku dengan linangan air mata. Rakan-rakannya yang lain mengesat mata mereka sambil memandangi ke arah ku.

Ayah masih keseorangan, dan rakan-rakannya yang datang melawat cuma membiarkan dia di jendela. Sesetengah mereka berkara; "sabarlah, ini semua kerja Tuhan." Dan, "ini takdir. Dia sudah aman di syurga."

Aku bergerak beberapa inci; cuba untuk merapati keranda yang mengisi tubuh ibu. Makcik Rory mendekatiku dan cuba untuk menjadi seperti Cikgu Tom sebagai guru kaunseling. "Tengoklah dia," kata Makcik Rory.

Makcik Rory jiran aku. Dia ada kebolehan memasak pasta yang sedap. Dia lebih suka orang memuji masakan Italinya berbanding tapai pulut dan kek cikunya. Pernah suatu hari, ketika musim sekolah yang panjang, wabak taun melanda ke serata tempat seperti musim permainan yang sungguh dahsyat. Ia berbeza dengan pencari makhluk asing di puncak bukit Reservoir, atau tanah lapang Penguin Pisang (kami memanggilnya sebagai tempat mendarat bahtera Nabi Nuh), dan sesetengah atheis memanggil ia sebagai musim di mana Tuhan sedang bosan dan bermain dadu. Sekarang, tentang Makcik Rory—aku datang kerumahnya ketika mala-



Ibu selalu mengingatkan aku yang Makcik Rory adalah seorang ibu yang baik jika dia ada seorang anak. Orang akan bertanya-tanya: "Mana anak Makcik Rory?". Tetapi tidak bagi aku. Masa terlalu berharga untuk aku mencampuri urusan yang tidak wujud. Orang akan tahu itu semua kerja Tuhan, kecuali mereka terlalu banyak masa untuk berfikir dan mengambil berat tentang orang lain.

petaka melanda tempat kami untuk menikmati teh jasmine. Kadang aku bersama ibu, kadang cuma aku seorang dan ibu menghantar aku ke rumah Makcik Rory sebagai anak angkat sementara ibu dan ayah akan pergi bekerja.

Selain hebat dalam bidang masakan, Makcik Rory seorang yang pembersih. Ibu selalu mengingatkan aku yang Makcik Rory adalah seorang ibu yang baik jika dia ada seorang anak. Orang akan bertanya-tanya: "mana anak Makcik Rory?". Tetapi tidak bagi aku. Masa terlalu berharga untuk aku mencampuri urusan yang tidak wujud. Orang akan tahu itu semua kerja Tuhan, kecuali mereka terlalu banyak masa untuk berfikir dan mengambil berat tentang orang lain.

Di rumah Makcik Rory, cuma ada sebuah lukisan yang menarik perhatianku; diantara 40 buah lukisan, cuma satu. Ia bertajuk 'Belon Udara Panas'.

"Bila Makcik mati, Makcik nak terbang dalam ni," alasannya. Dia tak tahu apa yang dia sebutkan memang mengarut untuk kanak-kanak bawah

umur seperti aku. Mungkin dia sudah terlalu tua, kataku, "ia idea yang bagus." Kemudian dia mencumbu ubunku. Seraya, dia menghidangkan teh jasmine dan biskut koko, kami duduk di hadapan televisyen menonton Nat Geo. Setiap kali aku datang ke sini, dan kami menonton televisyen, kami akan diam dan cuma menonton apa yang diperkatakan oleh narator dan visual sambil menjamah hidangan.

Kerap kali apabila selesai sahaja menonton tivi, Makcik Rory selalu bertanya tentang perasaan aku; "apa yang kau rasa sekarang?," kadang, bila dia terlalu penat dengan terma-terma yang muncul, "dia akan cuma menjawab, "cuma itu untuk hari ini." Kemudian membiarkan aku dihadapan televisyen—menukar siaran demi siaran sehingga biskut habis dan aku tertidur di sofa.

Di kemudian hari, entah ke-

napa, tanpa apa-apa sebab, ibu berhenti dari menghantar aku ke rumah Makcik Rory. Ayah juga mahukan alasan yang sama. "Dia anak yang baik," katanya. Tapi ibu cuma terdiam dan menghilangkan tekanannya dengan menyusun-atursemula koleksi pinggan mangkuknya dari dalam kabinet dan kadang dia akan berdiri dihadapan sinki dan menggosok faucet sehingga berkilat.

Aku ada pada hari itu: dihari terakhir dia tidak lagi bergerak, cuma terbaring di dalam keranda dan para tetamu memakai pakaian serba hitam.

Aku cium dahi ibu. Tanganku menggigil. Tubuhnya sungguh pekat dengan haruman bunga ros.

Dan semua orang terdiam - ayah masih tidak bergerak dan tetap berdiri di jendela, dan Makcik Rory memegang bahu aku cuma untuk menyuruhku bersabar.

Hari itu, kiamat berlaku.

Pembaca boleh menghantar cerpen untuk disiarkan di halaman ini. Karya terpilih bakal menerima suguhati daripada Selangor Kini Hantarkan kepada cerpenkini@gmail.com

OLEH PRABA GANESAN

Bajet 2016: Lebih banyak

Sementara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengekalkan bajet defisit dengan anggaran perbelanjaan RM267.2 bilion, cerita sebenarnya ialah siapa yang membayar untuk itu, dalam erti kata lain terdapat darjah peralihan tanggungjawab.

Dengan hasil minyak dan gas serta sumbangan Petronas (royalti, dividen dan cukai eksport) jatuh mendadak, kutipan RM39

bilion daripada (Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) semang dijangka mampu menanggung kekurangan hasil itu.

Tanpa GST, defisit seperti tidak terbayang apatah lagi dengan pentadbiran Najib yang kurang cenderung untuk mengamalkan disiplin fiskal.

Yang malangnya adalah perka-

ra terpaksa dihadap orang awam yang selalunya berpendapat hasil minyak bukan cukai tidak korporat - bermakna setiap ringgit rakyat menerusi cukai pendapatan serta cukai barangan dan jualan - yang sebenarnya membayar untuk segala perbelanjaan.

Malah, hasil GST dijangka meningkat ke unjuran RM27 bilion ta-

hun ini dengan RM12 bilion atau 44 peratus. Ini akan menjadi 17 peratus daripada hasil kerajaan daripada jumlah keseluruhan RM225 bilion.

Sementara jumlah berkenaan besar namun tidak dominan daripada pendapatan keseluruhan Kerajaan Persekutuan, termasuk cukai pendapatan dan levi lain pihak swasta, hakikatnya lebih satu per tiga hasil kerajaan adalah daripada rakyat kebanyakan. Selepas cukai korporat, dua penyumbang terbesar adalah GST dan cukai pendapatan.

Kesannya adalah kepada majoriti rakyat yang akan menjadi semakin kritikal dengan perbelanjaan kerajaan kerana wang merekalah yang sedang dibelanjakan. Fenomena GST memberi gambaran sebenar cukai kepada pengundi, dan penekanan kerajaan bahawa cukai baru itu memainkan peranan menutup kelemahan lain memberi mesej jelas kepada semua.

Harus diingatkan, bajet defisit 2015 dijangka lebih tinggi daripada unjuran 3.2 peratus kerana peningkatan kos perolehan susut nilai ringgit sejak pertengahan tahun ini. Trend ini akan berlaku pada bajet 2016 di mana potongan 3.1 peratus sekarang akan meningkat lagi kerana harga perolehan mendadak.

Golongan Miskin: Perumahan dan Pendidikan

Dalam usaha membantu mereka berpendapatan sederhana, yang paling tinggi pastinya pembayaran BRIM; RM800 sehingga RM1,050 untuk keluarga berpendapatan RM4,000 dan ke bawah serta bantuan RM400 untuk bujang.

Keluarga lebih miskin dibantu lagi dengan peruntukan khas



Kesannya adalah kepada majoriti rakyat yang akan menjadi semakin kritikal dengan perbelanjaan kerajaan kerana wang merekalah yang sedang dibelanjakan. Fenomena GST memberi gambaran sebenar cukai kepada pengundi, dan penekanan kerajaan bahawa cukai baru itu memainkan peranan menutup kelemahan lain memberi mesej jelas kepada semua

kepada pelajar (elaun RM100, RM250 bagi baucar buku dan di bawah Program E-Kasih iaitu makan tengah hari dan terbaru saraan pagi percuma).

Sementara akan terdapat 175,100 rumah mampu milik dibina di bawah PR1MA, dengan anggaran harga 20 peratus di



(ANAK SYARIKAT WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Tender	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
A. TENDER BAGI KERJA-KERJA MENAIKTARAF LORONG SUNGAI PULOH DARI PERSIMPANGAN JALAN HAJI ABDUL MANAN HINGGA KE PERSIMPANGAN JALAN MASUK KE KAPAR BESTARI, MUKIM KAPAR DAERAH KLANG No Tender: WHB/PU/OT/P/1/15	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor GRED : G6-G7 KATEGORI : CE PENGKHUSUSAN: CE01,CE02	RM3,000.00 (Tidak akan Dikembalikan) Bayaran Dalam Bentuk Deraf Bank/ Kiriman Wang atas nama :- CEKAL UNGGUL SDN BHD	27 Oktober 2015 Sehingga 9 November 2015 Di:- JURUTERA PERUNDING PRIMAREKA SDN.BHD. No.9B, Jalan Kenari 2, Bandar Puchong Jaya 47100 Puchong Selangor DarulEhsan T: 03-5882 7913 WaktuPejabat (8.30 pagi -12.30 tengahari dan 1.30 petang – 5.30 petang)
B. TENDER BAGI KERJA-KERJA KONTRAK PEMBINAAN DAN MENYIAPKAN LAPAN (8) UNIT PENCAWANG ELEKTRIK, SATU (1) UNIT SSU DAN KERJA-KERJA SAMPINGAN DI WORLD-WIDE IZONE KAPAR BESTARI MUKIM KAPAR DAERAH KLANG SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN CEKAL UNGGUL SDN BHD No Tender: WHB/PU/OT/P/2/15	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor GRED : G4 KATEGORI : B04 PENGKHUSUSAN: B04	1. Bayaran Dokumen Tender RM500.00 kepada ILHAM Consult Sdn Bhd (Tidak akan Dikembalikan) 2. Bayaran Deposit Tender RM2,000.00 dalam Bentuk Deraf Bank / Kiriman Wang atas nama: CEKAL UNGGUL SDN BHD	27 Oktober 2015 Sehingga 9 November 2015 Di pejabat: ILHAM Consult Sdn Bhd 47-2 Jalan Cecawi 6/91A Seksyen 6 Kota Damansara 47810 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan T: 03-6140 5225 F: 03-6140 5226 Waktu Pejabat: Isnin - Khamis 9.00pg - 12.30 tgh 1.30ptg - 5.00 ptg Jumaat 9.00pg - 12.30 tgh 2.30ptg - 5.30 ptg

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan kedalam Peti Tender sebelum atau pada 12 tengahari 13 November 2015 (Jumaat), di alamat berikut:-

**JABATAN PEROLEHAN
WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD
No 1 WORLDWIDE@7
JALAN LAZUARDI 7/29
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55102525 No. Fax 03-55104448**

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan



gula-gula ehsan rakyat

bawah harga pasaran, katakan berjaya dengan kos RM1.6 bilion, hanya akan ada 10,000 rumah mesra rakyat kos rendah dengan RM200 juta dengan pemberian subsidi RM20,000 setiap unit.

Keperluan rumah untuk golongan miskin dan kumpulan pertengahan begitu mendesak, tetapi masalahnya adalah dengan pendapatan dan harga rumah yang tidak berpadanan, berikutan tangga gaji rendah kebanyakan isi rumah Malaysia.

Mungkin Kerajaan Persekutuan perlu mempertimbangkan membina lebih banyak rumah kos rendah yang disewakan bagi melindungi keluarga daripada hilang rumah yang dilaburkan melalui pinjaman tetapi sebaliknya melalui prinsip sewa milik. Kerajaan boleh kitar semula rumah dan membawa keuntungan marginal kepada negeri.

Kerajaan salah anggap sentimen orang ramai bahawa terdapat gelombang kuat untuk pemilikan rumah. Walaupun pemilikan adalah ideal dengan aset di tangan, keperluan lebih mendesak semestinya untuk memiliki rumah murah berdasarkan pendapatan keluarga.

Keputusan kerajaan untuk memberi rebat GST ke atas kad pra bayar (internet/telefon) mungkin memberi kesan kecil berbanding tindak balas hebat apabila GST pertama kali dikenakan untuk pra bayar. Ia kelihatan seolah-olah sudah terlambat untuk memenangi hujah *spin* politik.

Pendidikan dan Teknologi

Ia merupakan penyelenggaraan biasa yang biasanya dihapuskan kecuali untuk Program Dwi Bahasa dan Highly Immersive Programme untuk 300 sekolah sebagai projek perintis dengan kos RM38 juta.

Apakah RM100,000 lebih akan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris adalah sesuatu yang menarik untuk diikuti.

Begitu juga dengan RM135 juta bagi semua sekolah bagi melaksanakan program mengangkat Bahasa Melayu dan memperkasa Bahasa Inggeris, walaupun tidak dinyatakan terperinci bagaimana peruntukan dimanfaatkan.

Sesetengah dana untuk pembiayaan mudah bagi meningkatkan pencapaian seharusnya dialukan. Dana yang secara lang-

sung berkait dengan pencapaian atau serahan sebenar, contohnya, insentif kewangan untuk guru luar bandar apabila mereka melebihi purata kebangsaan. Ia mengundang perhatian dengan guru diberi ganjaran dan sasaran boleh dicapai walaupun dengan jumlah sekolah luar bandar yang terhad.

RM1.2 bilion untuk meningkatkan kelajuan jalur lebar dan akses, dari 5Mbps hingga 20 mbps, akan merapatkan jurang digital jika ada usaha untuk meningkatkan langganan Internet di kawasan luar bandar, semestinya dengan harga berpatutan daripada pembekal perkhidmatan.

Perasaan ingin tahu

PLKN kembali. Dengan RM360 juta untuk 20,000 pelatih, soalan pastinya menjerus kepada lebih baik RM18,000 bagi setiap pelatih itu dibelanjakan sebagai biasiswa terus kepada mahasiswa yang terikat dengan program empat tahun Pusat Latihan Pegawai Simpanan di universiti.

Kepelbagaian boleh diutamakan tetapi melahirkan pegawai sebenar pada akhir latihan memberikan graduan tentera terlatih sebenar kepada perkhidmatan.

Lebuhraya Pan Borneo tanpa tol bakal siap pada 2021 dengan kos RM16.6 bilion. Ini memberi kesan secara langsung kepada yang akan berlaku pada pilihan raya negeri Sarawak dan sebagai ganjaran kepada sokongan kuat dari Borneo negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Pembiayaan tebatan banjir RM730 juta perlu dipantau secara teliti apalagi dengan banjir dijangka menjadi musuh nombor satu untuk beberapa negeri Semenanjung pada masa akan datang.

Hanya RM67 juta atau 0.025 peratus daripada bajet diperuntukkan untuk laluan bas yang tidak menguntungkan berbanding dengan RM235 juta untuk mempromosikan program 1Malaysia MATRADE.

Kewujudan dua cukai baru, 26 peratus bagi mereka yang berpendapatan antara RM600,000 hingga RM1 juta, dan 28 peratus bagi mereka yang melebihi satu juta menyumbang cukai yang lebih tinggi untuk orang kaya.

Ini adalah salah satu soalan KUASA bangkitkan dalam Parlimen pada bulan Julai; sama

ada mereka menyokong penubuhan cukai lebih tinggi untuk orang kaya. Terdapat pertanyaan yang walaupun orang makan gaji dikenakan cukai lebih, mereka yang menerima dividen bagaimanapun tidak menghadapi kesan yang sama.

Pelbagai bantuan langsung untuk SME dan latihan vokasional diregangkan di seluruh agensi seperti TEKUN dan pusat lain dan ia adalah sukar untuk mengukur sejauh mana mereka memenuhi

keperluan dan trend kontemporari.

RM1,000 untuk 10,000 pemilik perniagaan India misalnya, berapa banyak sebenarnya ia akan memperbaiki perniagaan para peniaga selain daripada menjadi gula-gula politik?

Projek laluan LRT Fasa pertama (Ampang dan Kelana Jaya-Putra Heights) dan MRT yang akhirnya bermula pada 2016 adalah dialu-alukan.

Peruntukan RM4.6 bilion untuk ubat-ubatan, vaksin dan rawatan lain dialukan tetapi keputusan

untuk mengenakan bukan warganegara kos penuh mungkin akan memberi kesan lain.

Oleh kerana kebanyakan daripada enam juta pekerja asing adalah berkolar biru dan di bawah gaji minimum dengan faedah kerja yang sedikit, menaikkan harga boleh menyebabkan mereka mengabaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Ini boleh membawa bencana dengan kebimbangan penyakit berjangkit seperti demam kepialu, batuk kering dan penyakit kelamin.

Gaji minimum RM1,200 dalam perkhidmatan awam, ternyata mengambil contoh dari Selangor dan Pulau Pinang, yang sebenarnya meletakkannya pada RM1,500. Ia menunjukkan Kerajaan Persekutuan berminat dengan polisi negeri ditadbir pembangkang.

Praba Ganesan adalah Ketua Eksekutif KUASA





PERDANA INDUSTRIAL PARK
@PUTRA PERDANA

OPPORTUNITY TO INVEST
In Malaysia's Fastest Growing District Puchong



RM2,790,000 ke atas

KILANG BERKEMBAR 3 Tingkat
Jenis A, A1
Keluasan Tanah Dari 95' x 100'
Keluasan Binaan 7,100sf (Jenis A Sahaja)



RM2,510,000 ke atas

KILANG BERKEMBAR 3 Tingkat
Jenis C
Keluasan Tanah Dari 70' x 120'
Keluasan Binaan Area 6,509sf

- Berhadapan dengan jalan utama
- Lokasi yang strategik
- Berdekatan dengan Cyberjaya, Putrajaya dan Pusat Bandar Puchong
- Dikelilingi dengan kedai, sekolah, restoran, atesen minyak, klinik, pusat membeli-belah dan lain-lain kemudahan awam



GPS Koordinat Projek
2.9438611, 101.6018333

Pejabat:
CHAMPION TRANSFORMS SDN. BHD.
65206-K

Pejabat Jualan:
GF-13, IOI Business Park, No.1, Persiaran Puchong Jaya Selatan,
Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong, Selangor.

016-260 0696 | 016-260 0711 | 016-661 8910

DISCLAIMER: All information contained herein is subject to changes without notification as may be required by the relevant authorities and cannot form part of an offer or contract. Whilst every care has been taken in providing this information, the owner, developer and managers cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist impressions only. The items are subject to variation, modifications and substitutions as may be recommended by the relevant Approving Authorities.

Belanjawan MBSA 2016

Belanja RM443.4 juta, hasil RM434.4 juta

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Sebanyak RM443.4 juta dibelanjakan Majlis Perbandaran Shah Alam (MBSA) bagi Belanjawan 2016 dengan anggaran hasil sebanyak RM434.4 juta.

Datuk Bandar MBSA, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata belanjawan defisit sebanyak RM9 juta itu ditampung menggunakan rezab MBSA.

Katanya, perbelanjaan dianggarkan terdiri daripada belanja mengurus sebanyak RM368.3 juta dan belanja pembangunan pula sebanyak RM75 juta.

"Peruntukan perbelanjaan

berkurang sebanyak RM17.1 juta atau 3.7 peratus berbanding 2015.

"Peruntukan terbesar untuk perkhidmatan dan bekalan iaitu RM267.9 juta," katanya sewaktu Mesyuarat Khas Majlis Kali Pertama 2016 pada 21 Oktober lalu.

Ahmad Zaharin berkata, peruntukan perkhidmatan itu untuk penyelenggaraan dan pembaikan kecil termasuk melaksanakan kerja kutipan sampah sebanyak RM38.3 juta, penyelenggaraan Dewan, pasar dan gerai sebanyak RM6.2 juta.

Selain itu, untuk perbelanjaan penyelenggaraan jalan RM6.1

juta, parit dan longkang RM7.5 juta dan tempat riadah serta taman rekreasi peruntukan RM2.4 juta.

"Peruntukan bagi pembangunan pula diperuntukan RM75.1 juta.

"Sebanyak 63.7 peratus untuk projek membina dan menaiktaraf bangunan manakala 28.3 peratus lagi bagi menaik taraf infrastruktur.

Katanya, menjadi harapan MBSA melaksanakan dasar dan polisi pembangunan khususnya mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



Sambutan Hari Tadika Selangor 2015

& GRADUASI CILIK PERDANA

1 November 2015 (Ahad)
Ideal Convention Centre (IDCC)
8.00 pagi - 1.00 petang

**YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
MOHAMED AZMIN ALI**

YB TUAN NIK NAZMI B. NIK AHMAD
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan,
Pembangunan Modal Insan,
Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Selangor

AKTIVITI MENARIK!

- Cabaran Family-Wefie
- Cabaran Video Pendek Si Cilik
- Cabaran Cilik Celik Sains Dan Inovasi
- Pertandingan Melukis Dan Mewarna
- Mini Pesta Buku
- Kempen Kanak-Kanak Sihat
- Riang Ria Bersama Aquaria
- Bazar Usahawan Si Cilik
- Mega Parenting Talk:
'Anak-Anak Teknologi Ibubapa Digital!'
- Selangor Kids Mega Convocation
- Pencarian Muazin Cilik
& banyak lagi!

Penaja & Rakan Sinergi:

RM7 juta bina kemudahan sukan

SHAH ALAM - Sebanyak RM7 juta diperuntukkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk membina kemudahan sukan selaras dengan hasrat mengamalkan gaya hidup sihat.

Datuk Bandar MBSA, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata projek pembangunan sukan yang dirangka adalah bagi membina dan menyiapkan kompleks sukan komuniti di sekitar kawasan pentadbiran MBSA.

"RM4 juta diperuntukkan untuk pembinaan kompleks sukan komuniti di Seksyen 19, Shah Alam dan Projek Pembinaan Stadium mini Paya Jaras berjumlah RM3 juta.

"Dengan pembinaan kemudahan sukan itu, MBSA berharap lebih banyak aktiviti sukan diadakan disamping dapat mengelakkan generasi muda dari terjerumus ke pengaruh



negatif," katanya.

Disamping itu, katanya, terdapat beberapa projek lain juga yang bakal dilaksanakan MBSA termasuk merekabentuk dan membina sebuah Dewan Bankuet di Seksyen 13 dan menambakbaik kualiti air Taman

Tasik Shah Alam.

"MBSA juga dalam usaha membina gerai di beberapa kawasan antaranya di Seksyen 20, Seksyen U10 dan membina Kompleks Perniagaan Moden Enam Tingkat di Paya Jaras," katanya.

Sampah haram: 21 lori disita dan dua dikompaun

SHAH ALAM - Sebanyak 21 buah lori disita Majlis Perbandaran Selayang (MPS) akibat melakukan aktiviti pembuangan sampah haram sepanjang Oktober.

Pengarah Jabatan Korporatnya, Mohamad Zin Masoad, berkata dua kompaun berjumlah RM1,000 turut dikeluarkan ke atas tapak pembuangan sampah haram di Bukit Lagong, Sungai Buloh dalam serbuan penguatkuasaan pada 19 Oktober lalu.

"Kompaun pertama dikenakan ke atas pemilik stor di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 Seksyen 70 (b) atas kesalahan menyebabkan bahan kumbahan dan sisa pepejal jatuh atau mengalir ke dalam anak sungai.

"Kompaun kedua pula ke atas kontraktor pelupusan sampah di bawah Seksyen 4, Undang-undang Pembuangan, dan Pelupusan Sampah (MPS) 2007 di atas kesalahan membuang sampah di tempat yang tidak ditetapkan oleh majlis," katanya dalam kenyataan.

Sebelum ini, penduduk Kampung Bahagia Bukit Lagong, terpaksa berdepan bau busuk disebabkan longgokan botol kicap dan produk makanan tamat tempoh di kawasan bukit berdekatan.

Antara barangan dibuang termasuk makanan dalam tin, minyak masak terpakai, pelbagai produk Industri Kecil Sederhana (IKS) serta sisa bahan binaan.

"Bahan buangan itu datang dari stor penyimpanan beralamat di Jalan Desa Aman 10.

"Kerja pembersihan melibatkan dua backhoe dan dua tong roro itu mengambil masa selama tiga hari," katanya.

Katanya, pemantauan secara berterusan dilakukan selain kerjasama aduan orang ramai untuk mengelakkan kejadian pembuangan sampah haram berulang.

"Kini kerja pengorekkan lubang untuk pembinaan parit dijalankan sebagai langkah sekatan dari pihak luar masuk ke lokasi itu," katanya.

'Tipu' hidangan daging, restoran diambil tindakan

SHAH ALAM - Sekurang-kurangnya empat restoran menjual hidangan berasaskan daging diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ekoran mencampur aduk bahan asas sajian itu dari kualiti berbeza.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ, Dr Chitra N Vadivellu, berkata tindakan diambil di bawah Seksyen 14 Akta Makanan 1983 melarang penjualan makanan bukan daripada jenis, bahan atau kualiti diminta.

"Sampel daripada 10 restoran sudah diambil dan mendapati empat daripadanya memberi keputusan negatif kepada ujian DNA kambing, pada 23 Jun lalu.

"Tiga daripada restoran itu menghidangkan makanan India dan satu lagi restoran India Muslim," katanya.

Beliau berkata, Persatuan Pemilik Restoran India Malaysia (PRIMAS) memberi alasan

harga daging kambing dari Australia lebih murah iaitu RM25 sekilogram dengan belian secara borong.

Sebelum itu, Adun Bukit Gasing, R.Rajiv, berkata beliau menerima banyak aduan dalam tempoh 24 jam mendakwa restoran terbabit menjual hidangan yang kononnya daging kambing.

"Ia amat membimbangkan terutama kepada masyarakat Hindu kerana melibatkan faktor keagamaan jika terdapat campuran daging lembu.

"Ia adalah tuduhan yang serius kerana akan menjejaskan restoran lain yang tidak bersalah," katanya.



DATANGLAH BERAMAI-RAMAI **MASUK PERCUMA**

PAMERAN HARTANAH NEGERI SELANGOR 2015

DISKAUN BUMIHUTERA 10% **HARGA DARI RM 42,000**

10.00 AM - 9.00 PM **06 - 08 NOVEMBER 2015**

SUNWAY GIZA, KOTA DAMANSARA

03.55447906 / 03.55447645 / 03.55103924

Pameran Hartanah Negeri Selangor 2015

<http://lphs.selangor.gov.my/>

Peluang Anda Memiliki Hartanah Di Negeri Selangor

Pameran Hartanah Yang Berpotensi Dimiliki

Pendaftaran Rumah **selangorku**

Penawaran Terus Rumah **selangorku**
**Tetapihuk Kepada Syarah

ANJURAN



KERAJAAN NEGERI SELANGOR

DENGAN KERJASAMA



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN LPHS



OLEH AFIX REDZUAN

Mendepani Pendidikan Global

UNISEL disaran wujud kampus di negara jiran

BESTARI JAYA - Universiti Selangor (UNISEL) perlu mendepani cabaran pendidikan global dengan menubuhkan kampus di negara jiran serta mengadakan kerjasama bersama universiti terkemuka dunia.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata langkah itu selari dengan hasrat Selangor menjadi hub pendidikan serantau.

Katanya, beliau yakin kemampuan teknologi dan inovasi UNISEL mampu memenuhi permintaan industri yang mula beralih dari tenaga kerja ramai kepada teknologi tinggi dan industri berintensif modal.

"Kerajaan Negeri melalui UNISEL berhasrat meneroka konsep start up dalam bidang produktif

sosial seperti latihan dan kemahiran tinggi dalam membangunkan 'talent bank,'" katanya pada Istiadat Konvokesyen Ke-10 UNISEL 2015, pada 24 Oktober lalu.

Setakat ini, UNISEL sudah menjalin kerjasama dalam bidang teknologi hijau, automasi, automobiliti, keusahawanan, kejuruteraan kapal terbang dan teknologi pengeluaran makanan ternakan.

Mohamed Azmin yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah UNISEL berkata, Kerajaan Negeri bakal mewujudkan prasarana untuk berinteraksi dengan rakyat secara waktu sebenar bagi menjamin sistem penyampaian lebih berkesan.

Katanya, UNISEL juga boleh memainkan peranannya menghubungkan kerajaan, industri,

universiti dan masyarakat dengan menjayakan perhubungan serantau melalui rangkaian ilmu.

"Untuk merealisasikan cita-cita ini, pelaburan tinggi amat

diperlukan.

"Tahun hadapan, Kerajaan Negeri peruntukan sebanyak RM20.9 juta bayaran balik sukuk BalIDS bagi pembangunan UNISEL," katanya.



YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali
Dato' Menteri Besar Selangor

YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

YES: Youth Enhancement Strategy Selangor

(Program Peningkatan Kemahiran Belia Strategik Selangor)

1 Program
Kursus Teknologi Pembuatan Plastik

2 Syarat Kelayakan

- Warganegara Malaysia tidak melebihi umur 24 tahun
- Lulusan SPM (minimum lulus 3 mata pelajaran)

3 Persijilan

- Certificate II in Engineering dari Box Hill TAFE, Australia

4 Tempoh Latihan

- Program selama 6 bulan ini merangkumi:
- 3 Bulan latihan formal (Kelas & Makmal)
- 3 Bulan latihan sambil kerja (OJT)

Kursus Untuk Lulusan SPM!

Nilai Tambah

- Yuran pengajian dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Selangor
- Peluang pekerjaan di Industri yang terpilih
- Elaun sara hidup RM300/bulan (dibiayai Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan semasa OJT ditaja oleh syarikat.

Anjuran: **selangorku**
Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor
Dengan Kerjasama: **SHRDC**
Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En Misnin / Pn Farah

Selangor Human Resource Development Centre
No.1, Ground Floor, Block 2, Pusat Perniagaan Worldwide (Worldwide Business Park)
Jalan Tinju 13/50, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
tel. +603 5513 3560 fax. +603 5513 3490 email. info@shrhc.org.my www.shrhc.org.my



Wujudkan waqaf perkukuh kewangan

BESTARI JAYA - Universiti Selangor (UNISEL) perlu mewujudkan waqaf sendiri supaya mampu memiliki kekuatan kewangan untuk pengembangan dan pembesaran universiti itu di masa hadapan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata meskipun UNISEL adalah milik Kerajaan Negeri tetapi ia perlu berjalan seperti sebuah universiti swasta, bergelut dengan persaingan sengit.

Katanya, pelaburan Kerajaan Negeri harus disertai dengan anjakan paradigma dalam pengurusan universiti.

"Kunci kepada pembinaan 'endowment' ini adalah graduan UNISEL sendiri. Graduan berjaya akan berterima kasih dengan alma maternya sendiri sekali gus memberikan kejayaan masa depan universiti.

"Sementara, penyertaan swasta dialu-alukan bagi melahirkan modal insan cemerlang," Mo-

hamed Azmin berkata demikian pada Istiadat Konvokesyen ke-10 UNISEL 2015, pada 24 Oktober lalu.

Selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, Mohamed Azmin berkata, perancangan strategik perlu meliputi aspek pergerakan universiti ke arah autonomi dalam kewangan.

Jelasnya, Kerajaan Negeri komited meneruskan beberapa projek pembangunan bagi mencipta persekitaran kampus yang kondusif dan produktif selain proaktif menyelesaikan permasalahan universiti.

"Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan RM60 juta tahun lepas untuk baik pulih sistem pembedaan dan baik pulih asrama pelajar.

"Bagi 2016, Kerajaan Negeri fokus untuk beri peruntukan pembangunan yang diumumkan ketika Belanjawan 2016 Selangor pada 30 Oktober ini," katanya.

Lahirkan graduan berkualiti hadapi persaingan



Muhammad Ali Hashim

Pengurangan peruntukan pendidikan jejas IPT dan mahasiswa

BESTARI JAYA - Pengurangan peruntukan terhadap Kementerian Pengajian Tinggi bakal memberikan tekanan kepada institut pengajian tinggi awam (IPTA) terutama dalam isu penyediaan kewangan awal pelajar memasuki universiti sebelum mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL), Prof Dr Anuar Ahmad, berkata keadaan itu bakal menyebabkan tekanan pelajar memberikan tumpuan terhadap pengajian.

"Pengurangan ini memberikan tekanan teruk terutama kepada IPTA. Tetapi kerana UNISEL adalah IPTS, memang setiap tahun kita tidak dapat bajet daripada Kerajaan Persekutuan kecuali kupon membeli buku.

"Kita risau jika PTPTN dikurangkan di IPTS sebanyak 15 hingga 25 peratus. Ia sekali gus memberikan tekanan kepada pelajar dalam proses maju ke hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas isu pemotongan peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM2.4 bilion dalam Belanjawan 2016.

Berdasarkan belanjawan dibentangkan Menteri Kewangan pada 23 Oktober lalu, kementerian hanya menerima RM13.378 bilion (5.0 peratus daripada keseluruhan belanjawan) berbanding RM15.785 bilion (5.8 peratus) dalam Belan-

“

Kita risau jika PTPTN dikurangkan di IPTS sebanyak 15 hingga 25 peratus. Ia sekali gus memberikan tekanan kepada pelajar

PROF DR ANUAR AHMAD
Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL)

jawan 2015.

Penurunan itu paling besar berlaku di Kementerian Pengajian Tinggi sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak membentangkan belanjawan pertamanya pada 2010.

Bagi mengatasi masalah itu, Kerajaan Selangor menyediakan bantuan Anak Masuk Universiti dengan peruntukan RM1,000 selain pemberian geran kewangan sementara menunggu PTPTN.

Katanya, tindakan itu perlu dicontohi Kerajaan Negeri lain bagi membantu pelajar kurang berkemampuan.

"Pelajar menghadapi kesempitan wang, kita benarkan mereka tangguh pengajian dua kali dalam tempoh pengajian. Mereka boleh keluar bekerja terlebih dahulu. Kita pantau mereka supaya bekerja di dalam bidang mereka pelajari," katanya.

BESTARI JAYA - Universiti Selangor (UNISEL) mampu bersaing setanding institut pengajian tinggi antarabangsa jika berjaya melahirkan lebih ramai graduan memenuhi kehendak semasa industri.

Keyakinan itu dilontarkan bekas Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Tan Sri Muhammad Ali Hashim ketika ditemui Selangor Kini selepas Istiadat Konvokesyen Ke-10 Universiti Selangor (UNISEL) di Dewan Canselor Kampus Bestari Jaya.

"UNISEL berjaya kerana kelebihan pembelajaran dwi bahasa. Graduan hari ini jika ingin cari kerja dan hanya mahir satu bahasa memang ada hambatan.

"Pembelajaran dwi bahasa ditambah bimbingan fakulti serta reputasi baik membuatkan UNISEL miliki masa depan baik untuk universiti dan pelajarnya," katanya.

Menyentuh soal lambakan pengangguran di kalangan graduan pasca siswazah, Muhammad Ali berkata cabaran itu turut dihadapi graduan bekerja mempertahankan karier mereka.

Katanya, generasi sekarang perlu mengintai peluang menceburi bidang perniagaan memandangkan tiada jaminan mendapatkan peluang bekerja meskipun memiliki sekeping sijil.

"Dalam keadaan ekonomi tidak menentu, kita lihat banyak laporan syarikat tamatkan

perkhidmatan pekerja.

"Graduan, pelajar dan generasi baru perlu bersedia dengan keadaan bahawa tidak ada jaminan kerja sentiasa ada seperti dahulu," katanya.

Selaku tokoh korporat terkenal, Tan Sri Muhammad Ali Hashim, 68, sebelum itu menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Perniagaan yang disampaikan Canselor UNISEL, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Berpengalaman selama lebih 28 tahun (1982 hingga Julai 2010) mengemudi JCorp, beliau adalah Pengasas Waqaf An Nur Corporation Bhd, (WANCorp), institusi Waqaf Korporat pertama ditubuhkan di Malaysia.

Pusat Kajian dan Penyelidikan Bahasa Arab Serantau di Asia

KUIS jadi pilihan antarabangsa

BANGI - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dipilih menjadi Pusat Kajian dan Penyelidikan Bahasa Arab Serantau di Asia.

Rektornya, Prof Dr Ab Halim Tamuri, berkata perkara itu dianggap sebagai penghormatan besar dan peluang baik kepada Selangor dalam menjadi hub perhubungan di peringkat antarabangsa.

"Banyak IPT di dalam mahupun luar negara akan menjadikan Selangor sebagai hub perhubungan peringkat antarabangsa.

"Di peringkat permulaan, kita minta KUIS dan IESCO membuat pelan strategik lima tahun supaya program dirancang dapat diteruskan ke tahap lebih baik," katanya kepada Selangor-Kini.



Prof Dr Ab Halim Tamuri

Terdahulu, Ab Halim menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama wakil Pertubuhan Pendidikan, Budaya dan Saintifik Antarabangsa (ISESCO) berkenaan pemilihan KUIS sebagai Pusat Kajian dan Penyelidikan

kan Bahasa Arab Serantau di Asia di Dewan Senat, di sini, pada 22 Oktober lalu.

Ab Halim berkata, MoU itu juga membantu membekalkan tenaga pakar dalam selain memberi khidmat latihan pedagogi kepada guru bahasa Arab di Malaysia.

"MoU ini membuka peluang penyelidikan, pertukaran pelajar dan pensyarah selain menyediakan latihan dibiayai IESCO.

"Usahainimembantumemacu KUIS kepada Pusat Bahasa Arab terbaik di dunia," katanya.

ISESCO berpusat di Magribi dianggotai 44 negara Islam seluruh dunia berperanan meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara negara anggota mengenai kedamaian dan keselamatan menerusi pendidikan, sains, budaya dan komunikasi.

Dakwaan tutup Giat MARA Selayang fitnah

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor tidak pernah berhasrat menutup Pusat Giat MARA Selayang meskipun institusi milik Kerajaan Persekutuan itu didirikan di atas tanah negeri.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata dakwaan kononnya ada rancangan menutup pusat itu adalah tidak benar dan berniat jahat.

"Kerajaan Negeri mengambil kira kepentingan institusi itu sebagai pusat latihan teknikal belia-

"Dakwaan itu tidak benar dan berniat jahat. Malah, tidak bertanggungjawab serta berunsur perkauman ini dikutuk sekerasnya," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan Cybertrooper pro Umno di laman sosial kononnya Exco DAP dan PKR Selangor mahu menutup dan meroboh pusat itu.

Tinjauan Selangor Kini mendapati perkongsian berbaur perkauman itu dimuat naik pada 22 Oktober lalu di Facebook.

Pada awal 2014, Kerajaan

Negeri mengeluarkan notis bagi memantau operasi dan struktur bangunan itu ekoran ia didirikan secara tidak sah dan tanpa izin.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menawarkan bantuan kewangan jika Giat MARA tidak mampu membaik pulih infrastruktur bangunan ke tahap menepati piawaian.

Malah, Kerajaan Negeri sedia menawarkan tempat lebih sesuai jika pusat terbabit ingin berpindah memandangkan ia berada di kawasan perumahan sempit.

Agihan zakat institusi lebih baik berbanding perseorangan

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memberi penjelasan secara terperinci berkenaan hikmah menuai zakat kepada institusi berbanding agihan sendiri kepada asnaf.

Dalam satu paparan di Facebook, LZS berkata ketelusan institusi dalam pengurusan zakat adalah jauh lebih tinggi dan terjamin jika dilaksanakan amil dilantik.

Mengambil contoh di Selangor, institusi itu berkata amil dilantik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tertakluk kepada jenis pengauditan oleh agensi audit berbeza sepanjang tahun.

"Dengan kuasa yang ada termasuk melalui peruntukan perundangan serta pengurusan amil yang cekap dan tegas, pembayar zakat lebih berdisiplin dan tidak terlepas daripada menunaikan kewajipan berzakat mereka.

"Amil perlu memberi bantuan bukan sahaja kepada mereka yang memohon, tetapi perlu proaktif mencari dan menyiasat khususnya golongan fakir dan miskin yang tidak meminta seterusnya mengagihkan zakat kepada mereka yang berhak," katanya.

Mengulas lanjut, LZS berkata agihan zakat melalui institusi dapat menjaga kehormatan penerima zakat supaya sentiasa terpelihara daripada sifat malu dan rendah diri.

Katanya pengurusan institusi amil bertauliah juga bersifat lebih teratur dan sistematik, berbanding pengagihan zakat yang dilakukan sendiri.

"Melalui tenaga kerja yang berilmu dan berpengalaman, pengurusan zakat lebih berupaya melaksanakan aktiviti pengumpulan, pengawalan serta pengagihan zakat secara teratur, menyeluruh dan berkesan.

Salah satu manfaat terbesar diperolehi jika zakat dibayar kepada institusi amil adalah kemampuan mengumpulkan dana zakat yang besar secara berpusat

"Salah satu manfaat terbesar diperolehi jika zakat dibayar kepada institusi amil adalah kemampuan mengumpulkan dana zakat yang besar secara berpusat," katanya.

LZS turut menambah, pengumpulan maklumat berpusat melalui institusi itu mengelak daripada berlakunya pertindihan dan pembaziran wang zakat.

"Kebiasaannya agihan perseorangan terhad kepada orang atau kumpulan dikenali pembayar zakat dan memungkinkan berlakunya pengenehan hak orang lain lebih memerlukan," katanya.



Program prihatin: LZS serah 60 hamper makanan kesihatan

KLANG - Sebanyak 60 hamper makanan dan kesihatan diserahkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada pesakit kanak-kanak di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Program yang berlangsung 23 Oktober lalu merupakan program 'Zakat Social Responsibility' ini sempena hari Kanak-kanak sedunia.

"Ini adalah inisiatif bagi merapatkan ukhuwah antara LZS dan pihak HTAR, pesakit kanak-kanak termasuk ibu bapa," kata LZS dipetik di laman Facebooknya.

Majlis itu disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Hussin M. Ali dan oleh Wakil Pengarah Hospital, Ketua Unit Kawalan Infeksi dan Antibiotik HTAR Dr. Shabuddin Ibrahim.

Hulur bantuan, Amirul perlu alat pendakap lawan Dystonia

SHAH ALAM - Sumbangan orang ramai diperlukan bagi membantu Adik Amirul yang mengidap Dystonia mendapatkan alat pendakap mengurangkan getaran badan bernilai RM70,000.

Adun Taman Medan, Haniza Talha, berkata alat itu diperlukan kerana pesakit berdepan kesukaran berjalan dan bergerak dalam melakukan rutin seharian.

"Dystonia menyebabkan Amirul sukar berjalan bahkan untuk

duduk pun mengambil masa kerana anggota badannya bergoyang serta kepala terpalang ke sebelah," katanya dalam kenyataan.

Penyakit Dystonia adalah sejenis kecacatan berpunca dari kerosakan bahagian otak yang mengawal pergerakan anggota badan.

Empat tahun lalu, Haniza pernah menziarahi Amirul di kediamannya dan ketika itu beliau masih boleh duduk dan berdiri tanpa bantuan.

"Dia malu untuk berjumpa dengan masyarakat kerana keadaannya kini mengalami perubahan sangat ketara.

"Saya bersimpati dengan keluarga ini, Amirul derita sakit dan kini bapanya pula terlantar akibat stroke," katanya.

Sebarang sumbangan bantuan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh hubungi Pusat Khidmat Masyarakat DUN Taman Medan di talian 03-7781 2151.



#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:
Rumah Ngaji@Rumah Maghfirah
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun: 1621 5171 1707 (Maybank)

RUMAH
ngaji

Futsal Piala Iskandar tawar hadiah keseluruhan RM50,000

BATU CAVES - Pertandingan Futsal Piala Iskandar anjuran Pusat Khidmat DUN Cempaka dengan kerjasama Dewan Pemuda PAS Selangor menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM50,000.

Adun Cempaka, Datuk Iskandar Samad, berkata pertandingan dijadualkan berlangsung di seluruh Selangor melibatkan enam zon melibatkan Bangi, Shah Alam, Subang Jaya, Ampang dan Gombak bermula 8 November hingga Januari 2016.

"Badan Bukan Kerajaan (NGO), kelab sukan serta syarikat yang berminat menyertai adalah digalakkan.

"Lebih 180 pasukan dijangka mengambil bahagian dengan setiap zon diwakili 32 pasukan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media pelancaran Pertandingan Futsal Piala Iskandar di sini, pada 20 Oktober lalu.

Futsal Piala Iskandar memertandingkan tiga kategori iaitu kategori lelaki terbuka, kategori lelaki bawah 17 dan 15 tahun.

Iskandar berkata, juara kategori terbuka bakal membawa pulang wang tunai RM8,000 manakala juara kategori lelaki bawah 17 dan 15 tahun bakal membawa pulang RM5,000.

"Program ini diharap dapat mencungkil bakat baru serta peluang anak muda menunjukkan bakat," katanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi 014-890 5560 (Izzad) dan 018-395 8148 (Wan).



Penjenamaan semula lahir bakat handalan

PNSB Young Stars cungkil potensi

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) melancarkan PNSB Young Stars dan Pertandingan Bola Sepak sebagai penjenamaan semula akademi bola sepak yang berusia 10 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Datuk Ahmad Omar, berkata penjenamaan semula itu meliputi perubahan struktur organisasi, sistem kejurulatihan, manual latihan serta pendekatan dalam melahirkan pemain bola sepak.

"Ia juga sebagai usaha program tanggungjawab sosial (CSR) disamping memberi peluang kepada pemain muda menunjukkan bakat.

"Pertandingan ini melibatkan kanak-kanak berumur lapan hingga 16 tahun yang terdiri daripada akademi bola sepak seluruh lembah Klang," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu Majlis Pelancaran PNSB Young Stars dan Pertandingan Bola Sepak Jemputan PNSB 2015 bertempat di Stadium Mini Shah Alam, di

sinu, pada 24 Oktober lalu.

Sementara itu, Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari, berkata kewujudan hampir satu dekad akademi PNSB itu dapat mencungkil dan menggilap bakat baru untuk terus ke peringkat lebih tinggi.

"Dapat dilihat hasil daripada latihan apabila akademi ini menjuarai Liga Super FAS selama dua tahun berturut-turut.

"Diharap semua peserta kejohanan terus mengekalkan semangat kesukanan yang tinggi," katanya.



220 peserta berentap rebut Piala Catur Adun Bangi

BANGI - Seramai 220 peserta dari seluruh negara termasuk Sarawak menyertai Pertandingan Catur Adun Bangi 2015 yang berlangsung baru-baru ini.

Penganjuran yang memasuki tahun ketiga ini turut disertai bekas Johan Catur Kebangsaan, Mohd Kamal Abdullah.

Adun Bangi yang juga Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Shafie Ngah, berkata usaha terus digiatkan bagi menarik lebih ramai peserta di masa hadapan.

"Kita juga bercadang untuk mengajurnya di tempat lebih sesuai bagi keselesaan semua.

"Kita mahu warga Bangi menguasai dan berada di hadapan dalam apa jua bidang terutama sukan," katanya kepada Selangor Kini.

Bertempat di Dewan Cempaka, Kompleks PKNS di sini, pertandingan turut menarik penyertaan peserta cilik berumur 8 tahun yang menyertai kategori 12 tahun ke bawah.



gori 12 tahun ke bawah.

Sementara itu, Pengarah Pertandingan, Dahari Embong menyifatkan penganjuran kali ini sebagai berjaya dan menepati sasaran.

"Pertandingan kali ini juga mencatat sejarah sebagai paling ramai penyer-

taan selepas tiga kali penganjuran," katanya.

Dengan tidak bersandarkan konsep kalah mati, peserta nyata gembira berpeluang mengasah minda bermain catur dengan pelbagai latar belakang di kejohanan itu.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
30 OKTOBER - 6 NOVEMBER 2015							
17 - 24 MUHARAM 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Jumaat	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:58	8:09
31 Sabtu	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:58	8:09
01 Ahad	5:30	5:40	6:58	1:00	4:20	6:58	8:09
02 Isnin	5:30	5:40	6:58	1:00	4:20	6:58	8:09
03 Selasa	5:30	5:40	6:58	1:00	4:20	6:58	8:09
04 Rabu	5:30	5:40	6:58	1:00	4:20	6:58	8:09
05 Khamis	5:30	5:40	6:58	1:00	4:20	6:58	8:09
06 Jumaat	5:30	5:40	6:58	1:00	4:20	6:58	8:09
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Jumaat	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:00	8:11
31 Sabtu	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:00	8:11
01 Ahad	5:32	5:42	7:00	1:02	4:22	7:00	8:11
02 Isnin	5:32	5:42	7:00	1:02	4:22	7:00	8:11
03 Selasa	5:32	5:42	7:00	1:02	4:22	7:00	8:11
04 Rabu	5:32	5:42	7:00	1:02	4:22	7:00	8:11
05 Khamis	5:32	5:42	7:00	1:02	4:22	7:00	8:11
06 Jumaat	5:32	5:42	7:00	1:02	4:22	7:00	8:11

Pastikan tiada pilih kasih agih peruntukan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Peruntukan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam Bajet 2016 diharapkan dapat disalurkan tanpa pilih kasih walaupun berbeza aliran politik antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata hal itu kerana sukan patut melewati persoalan politik dengan semua pihak perlu diberikan hak sepatutnya.

Katanya, perkara ketidakadilan dan penyisihan sebagaimana dilakukan oleh menteri sebelum ini, diharapkan tidak berlaku terhadap Kerajaan Selangor.

"Peruntukan untuk sukan, saya rasa cukup cuma isunya bagaimana menanganinya dan membentuk dasar itu.

"Sukan melewati persoalan politik, dipihak kita ianya tiada masalah cuma kita tidak mahu penyisihan berlaku se-

perti yang dilakukan menteri sebelum ini," katanya kepada Selangor Kini pada 26 Oktober lalu.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri mengalu-alukan kerjasama dengan KBS dalam usaha pembangunan atlet di semua peringkat.

"Baru-baru ini, saya berjumpa dengan menteri berkenaan bagi menyuarakan isu ini dan saya menyahut baik kerjasama untuk membantu kita.

"Sukan memerlukan kerjasama semua pihak sepenuhnya untuk membangunkan atlet," katanya.

Beliau berkata dengan kerjasama itu nanti dapat membantu persediaan pasukan Malaysia yang berkualiti termasuk bola sepak.

"Yang paling penting, kita tidak ketandusan bakat. Kita perlu fikirkan bagaimana untuk menyusun semula dengan kerjasama ini.

"Malah, kita perlu kurangkan prasangka di antara Kerajaan Negeri dan

“

Malah, kita perlu kurangkan prasangka di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan

AMIRUDIN SHARI
Exco Sukan

Kerajaan Persekutuan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam Belanjawan 2016 mengumumkan peruntukan sebanyak RM930 juta untuk KBS.

Peruntukan sebanyak RM145 juta diberikan bagi mempersiapkan atlet negara menghadapi Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN kesembilan 2017 yang bakal diadakan di Kuala Lumpur.

Red Giants rancang bertemu pasukan antarabangsa

SHAH ALAM - Pasukan Red Giants sedang meneliti untuk mengatur perlawanan persahabatan dengan pasukan luar negara dalam usaha memantapkan pasukan itu.

Pengurusnya, Amirudin Shari, berkata pihaknya sedang merancang beberapa strategi untuk menghadapi saingan musim depan.

"Kita mempunyai beberapa perancangan. Ketika ini saya giat merancang langkah sebagai persediaan.

"Antaranya, jika kita tidak pergi ke luar negara, kita menjemput pasukan berkualiti dari luar negara untuk persediaan pra musim," katanya kepada Selangor Kini pada 26 Oktober lalu.

Amirudin berkata rancangan itu masih dalam perbincangan dengan Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) dan bakal dimuktamadkan dalam tempoh terdekat.

Sebelum ini, Amirudin berazam membawa pasukan bola sepak negeri ke tahap membanggakan musim hadapan.

Skuad Merah Kuning kendalian Mehmet Durakovic disandarkan harapan besar untuk mengembalikan kegemilangan Red Giants yang kurang menyengat berbanding lakaran sejarah panjangnya sebelum ini.



Peserta Pertandingan Kompang Berformasi menunjukkan bakat dengan gaya tersendiri serta unik semasa Festival Seni Selangor 2015 (Selfiesta'15) yang berlangsung di SACC Mall Shah Alam. Penganjuran aktiviti itu usaha berterusan mengangkat Shah Alam sebagai Kota Seni.